

**KEISTIMEWAAN RUMAH TRADISIONAL TIANG 12 YANG WAJAR DIPELIHARA
SEBAGAI WARISAN NUSANTARA YANG BERTAMBAH NILAI**

FYP FTKW


NUR NUSAIBAH BINTI MOHD NASIR

UNIVERSITI

**IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN
DENGAN KEPUJIAN**

2021

KELANTAN



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

**KEISTIMEWAAN RUMAH TRADISIONAL TIANG 12 YANG WAJAR DIPELIHARA
SEBAGAI WARISAN NUSANTARA YANG BERTAMBAH NILAI**

DISEDIAKAN OLEH:

NUR NUSAIBAH BINTI MOHD NASIR

DRAF PROJEK PENYELIDIKAN 11

Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

2021

PERAKUAN STATUS TESIS

Saya dengan ini memperakukan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan oleh ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi.

TERBUKA Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)

SEKATAN Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam talian (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah.

Dari tarikh _____ hingga _____

SULIT (Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)*

TERHAD (Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)*

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut:

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

Tandatangan Utama

Tandatangan Penyelia

NUR NUSAIBAH BINTI MOHD NASIR

PUAN FARRAH ATIKAH BINTI SAARI

Tarikh:

Tarikh:

Nota* Sekiranya Tesis ini adalah SULIT atau TERHAD, sila kepilkan bersama surat daripada organisasi dengan menyatakan tempoh dan sebab-sebab kerahsiaan dan sekatan.

PERAKUAN

Projek bertajuk “Keistimewaan Rumah Tradisional Tiang 12 Yang Wajar Dipelihara Sebagai Warisan Nusantara Yang Berharga” telah disediakan oleh (**NUR NUSAIBAH BINTI MOHD NASIR**) dan telah diserahkan kepada Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan (FTKW) sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan Dengan Kepujian (**Konservasi Warisan**).

Diterima untuk diperiksa oleh:

(Puan Farrah Atikah Binti Saari)

Tarikh:

PENGHARGAAN

Assalamualaikum dan salam sejahtera,

Bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurniaNya, projek penyelidikan ini dapat saya sempurnakan pada masa yang ditetapkan meskipun terdapat kekangan yang perlu ditempuh dalam usaha melengkapkan projek penyelidikan ini.

Terlebih dahulu, saya ingin melafazkan setinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada penyelia projek penyelidikan saya iaitu Puan Farrah Atikah Binti Saari atas nasihat, bimbingan dan sokongan sepanjang kajian ini dilaksanakan. Beliau juga merupakan individu yang sering mengambil berat akan tugas para pelajar di bawah seliaannya serta selalu memberikan pandangan dan pembetulan terhadap kajian yang telah saya laksanakan.

Disamping itu juga, saya ingin menyampaikan ucapan ribuan terima kasih kepada kedua-dua arwah ibu dan bapa saya yang dikasihi kerana menjadi pembakar semangat saya di “Menara Gading” ini dalam melakukan apa jua perkara di dalam kehidupan termasuklah menyempurnakan tugas projek penyelidikan ini. Tidak dilupakan juga kepada adik-beradik saya yang memberikan dorongan kepada saya untuk meneruskan pelaksanaan projek penyelidikan ini. Tanpa mereka, tidak mungkin saya mampu sampai ke tahap ini.

Selain itu, saya juga ingin berterima kasih kepada rakan-rakan saya yang sentiasa memberikan dorongan dan semangat saat saya menghadapi kesukaran dalam perlaksanaankajian ini. Sebelum saya mengundur diri, ingin saya selitkan juga ucapan terima kasih kepada pihak Universiti Malaysia Kelantan serta pihak-pihak yang telah terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam penyempurnaan projek penyelidikan ini. Semoga dengan segala bantuan dan kerjasama yang diberikan mampu membuka lembaran baru terhadap dunia sejarah dan warisan di negara Malaysia ini.

KEISTIMEWAAN RUMAH TRADISIONAL TIANG 12 YANG WAJAR DIPELIHARA SEBAGAI WARISAN NUSANTARA YANG BERTAMBAH NILAI

ABSTRAK

Rumah Meleh yang mempunyai 12 batang tiang ini merupakan satu perkara yang sudah diketahui umum tentang kewujudannya kerana ia merupakan antara rumah tradisional yang menjadi simbol kepada seni bina Nusantara yang terdapat di Kelantan. Pada masa yang sama, rumah tersebut juga boleh dijumpai di negeri Terengganu yang terletak berdekatan dengan negeri Kelantan. Pembinaan rumah ini merupakan satu perkara yang unik di mana ia bukan sahaja terdapat di Malaysia, tetapi rekaan senibinanya juga turut dikongsi dengan negeri Melayu Patani. Walaupun ia merupakan suatu seni bina istimewa yang menghubungkan pelbagai pihak, namun masyarakat masa kini dilihat kurang memberi perhatian dan tidak peka terhadap kewujudan seni bina bernilai seumpama ini. Tujuan kajian ini dilakukan adalah untuk mengetahui sejarah pembinaan rumah tradisional tersebut di samping untuk mengetahui tentang keistimewaan yang terdapat padanya. Dalam pada itu, pengkaji akan mengenalpasti langkah yang boleh dilakukan untuk mengekalkan keaslian Rumah Tiang 12 berdasarkan kepada situasi rumah yang telah dilihat sewaktu proses pemerhatian. Bagi menjalankan kajian, pengkaji menggunakan kaedah pengumpulan data seperti pemerhatian, temu ramah serta menganalisis dokumen yang diperolehi bagi melengkapkan perjalanan kajian.

Kata Kunci: *keistimewaan, seni bina, rumah tradisional, rumah Meleh Tiang 12, warisan Nusantara*

The Privilege of The 12 Pole House To Be Preserved As One Of The Valuable Archipelago Heritage

ABSTRACT

This research project is about “The Privilege of Rumah the 12 Pole House To Be Preserved As One Of The Valuable Archipelago Heritage”. Rumah Meleh with 12 pole was one of thing that has be known by people. Its existance as a tradisional house is representative of symbol for the Archipelago architecture that can be found in Kelantan. In addition, Rumah Meleh can also found in Terengganu State that was located near Kelantan. The house construction was one of the unic things because its not only build in Malaysia. The architecture for the house were also shared with the other Melayu Patani State. Though it was a special built that has connect many other party, the community nowadays does not pay much attention to to existance of this kind of architecture. The objective of this study is to identify the history of this tradisional house construction in addition to study of privileges in it. Besides, the resercher will identify the appropriate step to use to preserve its authenticity based on the house current situation that could be seen during observation. To conduct the research, the researcher collect the data using observation, interview and to analyze the document obtained to complete the research journey.

Keywords : *priviledges, architecture, tradisional house, rumah Meleh the12 poles, archipelago heritage.*

ISI KANDUNGAN

KANDUNGAN	MUKA SURAT
PENGHARGAAN	i
ABSTRAK	ii
ISI KANDUNGAN	iv
SENARAI JADUAL	vi
SENARAI RAJAH	vii
BAB 1 PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Pernyataan Masalah	4
1.4 Objektif Kajian	6
1.5 Persoalan Kajian	6
1.6 Kepentingan Kajian	7
1.7 Skop Kajian	9
1.8 Penutup	13

BAB 2 SOROTAN KAJIAN	15
2.1 Pengenalan	15
2.2 Perancangan dan Struktur Ruang Dalam Rumah Tradisional Melayu Kelantan	16
2.3 Identiti Senibina Malaysia	18
2.4 Elemen Persekitaran Rumah Melayu Tradisi di Kelantan	19
2.5 Tipologi Ciri Rekabentuk Rumah Tradisional Melayu	21
2.6 Sejarah dan Pengaruh Senibina	22
2.7 Penutup	24
BAB 3 METODOLOGI KAJIAN	25
3.1 Pengenalan	25
3.2 Rekabentuk Kajian	26
3.3 Instrumen Kajian	30
3.4 Prosedur Pungutan Data	31
3.5 Kaedah Analisis Data	32
3.6 Jangkaan Dapatan Kajian	33
3.7 Penutup	34

BAB 4 DAPATAN KAJIAN	37
4.1 Pengenalan	37
4.2 Analisis Demografi Responden	39
4.3 Sejarah Rumah Tiang 12	40
4.4 Fungsi Rumah Tradisional	42
4.5 Langkah Bagi Menarik Kedatangan Pelancong	51
4.6 Penutup	51
BAB 5 PERBINCANGAN, CADANGAN, KESIMPULAN	53
5.1 Pengenalan	53
5.2 Perbincangan Dapatan	53
5.3 Cadangan	58
5.4 Kesimpulan	59

SENARAI JADUAL

NO.		MUKA SURAT
3.2	Kaedah Analisis Data	33

SENARAI JADUAL

NO.		MUKA SURAT
1.1	Skop Kajian	9
2.1	Pelan Rumah	17
2.2	Bangunan Parlimen	19
2.3	Struktur Persekitaran Rumah Melayu Tradisi di Kelantan	21
2.4	Rekabentuk Rumah Mengikut Iklim di Malaysia	22
3.1	Carta Alir Metodologi Kajian	27

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Senibina merupakan seni mengenai bangunan samaada dari aspek penyediaan rekabentuk mahupun penyeliaan pembinaan bangunan (Kamus Dewan Edisi Keempat). Menurut Tun Dr Mahathir dalam ucapan perasmian di sebuah seminar pada 21 Januari 1981, “Senibina adalah satu manifestasi kebudayaan yang penting dan bukan setakat memberi bentuk yang mudah dikenali tetapi juga menunjukkan nilai dan pencapaian dari segi tamadunnya”. Pada hakikatnya, senibina sememangnya sangat penting dalam mentafsirkan sebuah karya menjadi sebuah rumah di mana sesebuah bangunan yang bersejarah akan dibina dengan sebuah panduan yang lengkap. Sebarang bentuk senibina yang hebat kebiasaannya akan dihasilkan oleh seorang atau beberapa orang arkitek yang berpengalaman bagi menghasilkan binaan yang dirangka.

Senibina Nusantara adalah satu perkara sudah tidak asing lagi di Malaysia. Jika dilihat kepada catatan sejarah senibina tersebut telah bermula sejak abad ke. Susun atur ruang bahagian struktur rumah banyak diselaraskan dengan kehendak Islam (Abdul Halim dan Wan Hashim, 1996). Menurut Zulkifli Hanafi (1986), ruang hanya akan wujud apabila mendapat sokongan struktur. Seterusnya struktur akan menghasilkan rupa bentuk tertentu dan mampu menyokong sesuatu fungsi ruang. Pernyataan tersebut menunjukkan bahawa di dalam senibina Islam masih terselit budaya Melayu yang diamalkan di dalam masyarakat.

Masyarakat sedia maklum bahawa binaan rumah tradisional Melayu sendiri banyak yang berpandukan kepada garis panduan dalam agama Islam. Terdapat juga pemisahan ruang jika melibatkan golongan yang berlainan jantina bertujuan untuk membataskan pergaulan sesama mereka. Menurut Mokhtar Ismail (1992), konsep ini membawa maksud perhubungan sosial masyarakat Melayu yang dibahagi dua iaitu untuk kaum wanita dan kaum lelaki. Ia dapat dijelaskan dengan mengaitkannya dengan aktiviti yang berlaku menerusi ruang-ruang berkenaan. Gabungan dengan ciri Nusantara telah mewujudkan ruang-ruang seperti Rumah Dapur, Rumah Ibu dan Rumah Tengah yang mana setiap daripada ruang tersebut didatangkan dengan fungsi yang dapat memudahkan penggunaan ruang oleh penghuninya.

1.2 Latar Belakang Kajian

Kajian di dilakukan adalah bagi mengupas mengenai kepentingan senibina Nusantara yang mana fokus kajian adalah di sekitar negeri Kelantan. Negeri Kelantan merupakan salah satu kota persinggahan di semenanjung Melayu sebagai salah satu jalur

perdagangan bagi negara Cina, Arab dan India (Fachri Muhammad , 2016). Antara lokasi yang dipilih adalah Rumah Tradisional Meleh yang terdapat di Kota Bharu. Lokasi seperti Bandar Kota Bharu merupakan satu tempat yang terletak di tengah-tengah bandar yang akan menjadikannya sebagai lokasi tumpuan orang yang lalu lalang. Hal ini menyebabkan lebih ramai warga kota yang menilai konsep yang digunakan bagi membina lanskap tersebut. Situasi ini menjadikan lebih ramai orang yang menyangkal tindakan menggunakan konsep Islam secara keseluruhan memandangkan identiti Melayu masih perlu dikekalkan dalam keadaan yang maksimum.

Warisan senibina, sejarah dan budaya jika dibiarkan berterusan akan mengakibatkan kepupusan dan hilang ditelan zaman (Shuhana Shamsuddin, 2002). Oleh itu adalah menjadi tanggungjawab bagi setiap anggota masyarakat untuk mengekalkan warisan unik yang ditinggalkan oleh generasi terdahulu. Alangkah ruginya sekiranya khazanah yang masih wujud itu tidak dimanfaatkan bagi tujuan pemeliharaan memandangkan merupakan antara rumah tradisional yang menggunakan konsep Islam di dalam susun atur ruangan serta dalam senibina. Hal ini demikian, dapat memudahkan generasi kini untuk mengambil panduan untuk melakukan sesuatu pembinaan bangunan yang bercirikan Nusantara.

Kajian yang dilakukan adalah mengenai asal-usul serta keistimewaan rumah tradisional Meleh yang merupakan salah sebuah rumah tradisional yang telah berusia melebihi 100 tahun serta sudah menghampiri fasa kepupusan. Sejarah binaan rumah tradisional negeri Kelantan menyebutkan bahawa terdapat dua buah yang dibina dengan berpandukan kepada senibina yang dibawa oleh pedagang dari negara Siam ketika itu melalui Sungai Golok. Rumah tradisional yang mempunyai atap panjang tersebut disebut

sebagai 'Rumah Tiang 12' dan 'Rumah Bujang. Rumah Bujang diberi nama sedemikian kerana ia merupakan rumah yang paling ringkas yang dibina oleh golongan biasa dan kelas bawahan dalam kalangan masyarakat Kelantan. Ia dikatakan rumah paling awal yang didiami oleh masyarakat Kelantan pada masa itu. Manakala, Rumah Tiang 12 pula merupakan rumah yang dibina oleh golongan kaya serta dikhususkan untuk golongan kelas elit. Corak rekaan pada dindingnya yang rumit melambangkan ketinggian status yang dimiliki oleh pemiliknya. Corak pemilikan tersebut dapat menggambarkan bahawa sistem feudal telah lama dipraktikkan dalam kalangan penduduk di Kelantan (Fardiyah, 2016).

1.3 Pernyataan Masalah

Dalam menyelesaikan sesuatu isu, pengkaji perlu menyatakan masalah yang dihadapi. Hal ini demikian supaya isu berbangkit dapat diselesaikan apabila menemui persoalan yang jelas. Dalam hal ini, pengkaji perlu meneliti isu sebenar yang dihadapi apabila dikaitkan dengan senibina tersebut. Bagi mengenalpasti sesuatu masalah, penyelidik akan melakukan penyelidikan, pemerhatian, melalui pembacaan, kaedah temu bual serta menganalisis maklumat yang diperoleh.

Isu pertama wujud adalah mengenai kedudukan senibina tradisional dalam industri pembinaan pada masa kini. Sepertimana yang diketahui, pembinaan zaman sekarang lebih cenderung untuk menggunakan gaya binaan yang bersifat moden yang terdapat di Kelantan. Menurut Othman (1989), kedatangan para pedagang sedikit sebanyak telah mengubah struktur serta rekabentuk yang terdapat pada rumah tradisional Melayu

Kelantan. Walaubagaimanapun, corak pembinaan rumah moden pada zaman sekarang telah menyebabkan binaan yang lama semakin dilupakan.

Seterusnya, permasalahan kedua yang dapat dilihat adalah kelesuan persepsi masyarakat terhadap senibina tradisional. Hal ini demikian kerana masyarakat kurang mempunyai kesedaran tentang kepentingan untuk memelihara rumah tradisional ini memandangkan mereka sudah terbiasa dengan gaya binaan barat. Menurut Norlizaiha (2005), kedatangan Inggeris telah menghadirkan rekabentuk bangunan yang lebih ringkas iaitu pada motif yang terdapat pada dinding bangunan. Situasi ini telah menyebabkan kebanyakan daripada anggota masyarakat lebih selesa dengan senibina moden ini memandangkan kebanyakan daripadanya agak serasi dengan citarasa masyarakat zaman kini.

Seterusnya, permasalahan yang dihadapi adalah penggunaan kos yang tinggi. Rumah Tradisional 12 terkenal dengan ketinggian nilainya kerana pembinaannya menggunakan bahan yang berkualiti tinggi memandangkan rumah tersebut dibina untuk golongan kaya sahaja suatu ketika dahulu. Menurut Awang Adil (2005), pembuatan rumah tradisional menelan kos yang sangat tinggi sehingga menyebabkan ia tidak dapat dibina oleh orang kebanyakan disebabkan oleh pembinaannya yang eksklusif dan mahal. Hal ini demikian akan menyukarkan rumah tersebut untuk dipelihara kerana proses pemeliharaan juga memerlukan pembuatnya untuk menggunakan bahan binaan asal sepertimana yang digunakan semasa awal pembinaannya. Rumah tradisional Melayu merupakan rumah masyarakat yang diwujudkan mengikut citarasa, dibangunkan menggunakan teknik dan bahan bangunan setempat (Ryeung. S, 2012).

1.4 Objektif Kajian

Bagi menjalankan sesebuah kajian, pengkaji perlu menetapkan objektif kajian sebagai satu syarat untuk melengkapkan kajian. Hal ini bertujuan supaya pengkaji dapat menyasarkan matlamat yang ingin dicapai dalam melakukan kajian. Antara objektif bagi kajian ini adalah:

- i. Mengetahui sejarah pembinaan Rumah Tradisional Tiang 12 yang terdapat di Kampung Gajah Mati, Kota Bharu, Kelantan.
- ii. Mengetahui keistimewaan senibina Rumah Tiang 12 dari segi fungsi ruang yang digunakan oleh masyarakat terdahulu.
- iii. Mencadangkan langkah untuk mengekalkan keaslian Rumah Tiang 12 bagi tujuan pemeliharaan.

1.5 Persoalan Kajian

Persoalan kajian merupakan sesuatu isu yang timbul yang mendorong pengkaji untuk menjalankan kajian. Antara persoalan bagi kajian ini adalah :

- i. Bagaimanakah sejarah pembinaan Rumah Tradisional Tiang 12 yang terdapat di Kampung Gajah Mati, Kota Bharu, Kelantan?
- ii. Apakah keistimewaan seni warisan Rumah Tiang 12 dari segi fungsi ruang yang digunakan oleh masyarakat terdahulu?
- iii. Apakah langkah pemeliharaan untuk mengekalkan keaslian Rumah Tiang 12?

1.6 Kepentingan Kajian

Bagi seorang penyelidik, sesuatu kajian dijalankan mestilah mempunyai kepentingan terhadap mana-mana pihak dalam anggota masyarakat. Hal ini kerana kepentingan tersebut merupakan merupakan salah satu sebab yang memungkinkan pengkaji untuk merungkai persoalan yang timbul dalam lingkungan bidang pengajian pengkaji itu sendiri. Pihak yang berkepentingan adalah seperti individu, masyarakat, pihak berwajib serta Jabatan Warisan Negara.

1.6.1 Individu

Jika dilihat dari sudut pandang bagi individu, kajian ini dapat merungkai persoalan yang ditimbulkan oleh sesetengah lapisan masyarakat. Kajian ke atas senibina nusantara ini membolehkan pengkaji menjawab persoalan mengenai kepentingan senibina tersebut dikekalkan sebagai salah satu warisan berharga negara ini. Selain itu, perkara ini juga dapat memberi manfaat kepada individu yang pewaris atau pemilik rumah tradisional tersebut yang mempunyai akses terhadap pembangunan rumah tersebut. Hal ini demikian kerana, isu mengenai rumah tersebut akan mendapat perhatian dari pelbagai pihak sekaligus dapat membantu pemilik rumah untuk terus mengekalkan serta memelihara rumah tersebut. Penglibatan secara individu juga penting bagi memastikan usul yang diutarakan dapat direalisasikan dengan baik dan teratur. Pada masa yang sama, situasi ini membolehkan pemilik asal rumah melakukan penambahbaikan supaya rumah tersebut dapat dipelihara sekaligus dapat menyumbang kepada sektor pelancongan. Menurut

Ryeung. S (2012) rumah masyarakat yang diwujudkan adalah melalui citarasa penghuninya dan dibangun menggunakan teknik dan bahan bangunan setempat.

1.6.2 Masyarakat

Bagi sudut masyarakat pula, adalah supaya mereka dapat diberi pendedahan mengenai senibina yang wujud di negara ini. Pengkaji juga dapat menerangkan kepada mereka tentang perkaitan antara senibina Nusantara ini dengan sejarah kedatangan pedagang dari luar ke Tanah Melayu. Setelah kedatangan Islam, banyak perkara yang telah berubah apabila kebanyakan dari penduduk di Tanah Melayu mula menganut ajaran Islam. Perubahan tersebut bermula dari cara hidup mereka sehingga kepada susun atur dalam rumah mereka. Dalam Islam, susun atur sebuah rumah adalah sangat penting. Hal ini demikian kerana Islam menitahkan supaya umatnya untuk menjaga balasan pergaulan bagi yang berlainan jantina, walaupun sesama adik-beradik sendiri. Pengaruh Islam dapat dilihat dengan jelas melalui susun atur rumah tradisional yang wujud. Susunan ruang dan bahagian-bahagian struktur rumah banyak disesuaikan dengan kehendak Islam (Abdul Halim dan Wan Hashim, 1996).

1.6.3 Jabatan Warisan Negara(JWN)

Projek penyelidikan ini juga akan dapat memberi kelebihan kepada pihak Jabatan Warisan Negara (JWN). Melalui maklumat yang diperoleh dalam kajian yang diperoleh, pihak di Jabatan Warisan Negara akan membuat analisis bagi mencari jalan penyelesaian terbaik bagi menyelesaikan isu yang berkaitan. Setelah itu, JWN akan menghantar konservator negara bagi membolehkan mereka merungkai persoalan yang melibatkan percampuran budaya dalam senibina

Melayu-Islam. Hal ini demikian bertujuan untuk mencari kerelevanan samaada bagi menjalankan proses pemeliharaan atau sebaliknya. JWN berhak dalam membuat keputusan memandag mereka juga mempunyai pakar dalam bidang konservasi dan pemeliharaan. Mereka akan dapat menentukan tindakan yang sepatutnya dilakukan ke atas rumah tradisional yang ingin dipelihara. Mengikut Seksyen 40, Permohonan bagi kebenaran Merancang bagi Tapak Warisan, sebarang saranan berkaitan dengan pembinaan hendaklah mendapatkan persetujuan terlebih dahulu daripada Pesuruhjaya Warisan (Akta Warisan Kebangsaan, 2005).

1.7 Skop Kajian

Kajian yang dijalankan tertumpu kepada konsep yang diketengahkan dalam pembinaan rumah tradisional Melayu-Kelantan yang dikhususkan di sekitar kawasan Bandar Kota Bharu merupakan antara yang menjadi tarikan di negeri tersebut. Lokasi kajian bagi rumah tradisional Melayu Kelantan adalah bertempat di Kampung Gajah Mati, Kota Bharu. Rumah Meleh merupakan salah satu daripada rumah tradisional di Kelantan yang berkonsepkan Nusantara. Dalam bab ini, akan diterangkan secara terperinci mengenai sejarah penubuhan rumah tersebut. Rumah tersebut telah melalui beberapa peringkat pengubahsuaian memandangkan ia telah melalui beberapa fasa peredaran zaman sejak dari bermula penubuhannya sewaktu zaman purba. Menurut Husny (1976), karakteristik rumah Melayu dipengaruhi oleh aspek iklim setempat dan syarat agama. Pengaruh cuaca terhadap bentuk rumah ditunjukkan dengan pelbagai ciri

gabungan Melayu dan Nusantara. Perjalanan kajian akan melibatkan pewaris atau penjaga rumah tersebut bagi memudahkan pengkaji mendapatkan maklumat yang sahih dan tepat.

Dalam pada itu, melalui kajian ini, pengkaji akan menjelaskan tentang keistimewaan senibina Nusantara. Penjelasan tersebut dianggap perlu kerana masyarakat akan dapat menilai sejauh manakan kepentingan senibina tersebut yang menjadikannya wajar untuk dipelihara. Kebiasaannya, bangunan lama seperti Rumah Meleh ini akan terdedah kepada pengaruh luar samaada dari segi pembinaan mahupun struktur bangunan sepertimana yang digarapkan oleh arkitek pada zaman dahulu. Hal ini memandangkan Kelantan juga merupakan antara jalur perdagangan bagi Cina, India dan Arab suatu ketika dahulu. Menurut Ismail Azman pada tahun 1975, keadaan ini menjadikan senibina rumah warisan semakin suram di kalangan masyarakat Melayu masa kini.

Bab ini juga akan menjelaskan tentang cadangan yang wajar dilakukan terhadap rumah tradisional Melayu Kelantan bagi memastikan ia dapat dikekalkan sebagai salah sebuah warisan tinggalan oleh generasi terdahulu. Sebelum mencadangkan sesuatu usul, pengkaji perlu mempertimbangkan beberapa aspek yang berkaitan. Antaranya adalah seperti dari sudut masyarakat, seseorang individu dan mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh Jabatan Warisan Negara (JWN). Menurut petikan Zaharah (2004), ada menyatakan bahawa kepercayaan Peter (1975) iaitu struktur organisasi masyarakat, bahasa, keagamaan, teknologi, kebendaan, kepercayaan, keagamaan, institusi, budaya dan kumpulan genetik boleh dicirikan dalam golongan masyarakat manusia.


Kesimpulannya, pengkaji memandang Rumah Tradisional Melayu Kelantan ini sebagai suatu aset negara yang bernilai. Walaubagaimanapun, disebabkan oleh persepsi orang ramai terhadap identiti rumah tersebut di dalam budaya Melayu, masyarakat mula

mengabaikan nilai estetika yang wujud dalam senibina Nusantara ini ke atas sejarah kedatangan pedagang luar ke negeri Kelantan. Selain itu, bagi mengekalkan hasil binaan bersejarah yang terdapat di negeri Kelantan memandangkan negeri tersebut tidak mempunyai banyak sumber warisan yang diangkat sehingga dapat diperkenalkan kepada masyarakat luar. Kesemua nilai dan identiti bagi masyarakat Melayu hendaklah dikekalkan di setiap zaman dan dibukukan untuk dijadikan tatapan generasi akan datang (Norlizaiha & Azira, 1985).

Dalam pada itu, bab ini juga akan menghuraikan tentang cadangan pemeliharaan yang wajar dilakukan sesuai dengan keperluan serta masalah yang dapat dilihat pada Rumah Tiang 12 ini. Sudah sewajarnya isu diberi perhatian yang mendalam supaya ia tidak terus dibiarkan menjadi usang begitu sahaja. Dalam mengemukakan cadangan, pengkaji akan mengambil kira pelbagai aspek. Antaranya adalah persepsi orang ramai terhadap serta apakah tindakan yang telah diambil oleh berkuasa dalam menangani perkara ini. Seterusnya, pengkaji akan meneliti garis panduan yang telah ditetapkan oleh Jabatan Warisan Negara (JWN) supaya dapat diselarikan dengan cadangan pemeliharaan yang ingin dikemukakan. Bangunan dan tapak sejarah yang diwartakan sebagai Bangunan Warisan adalah terkandung di bawah peruntukan Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645), sebagai pemeliharaan objek warisan (Jabatan Warisan Negara, 2005).

Kesimpulannya, pengkaji memandang isu berkenaan dengan Rumah Tiang 12 ini sebagai satu perkara yang serius di mana ia merupakan antara warisan sejarah yang bernilai. Walaubagaimanapun, rumah tradisional tersebut kini terbiar tanpa penjagaan yang rapi akibat daripada pembangunan pesat yang lebih tertumpu ke arah dunia yang lebih moden. Oleh sebab itu, pengkaji lebih memberi tumpuan kepada kajian mengenai senibina

yang terdapat pada Rumah Tiang 12. Hal ini akan dapat menarik perhatian pencinta rumah tradisional yang berminat untuk mengenali rekabentuk rumah yang diinspirasi daripada negeri-negeri di Kepulauan Melayu yang lain. Menurut Mohd Tajudin, 2001, Rumah yang berkonsepkan Nusantara merupakan rumah Melayu Kelantan yang dibesarkan dengan meniru rekabentuk rumah Melayu Kelantan, walhal rumah yang dibina itu bukan lagi sebuah binaan yang mempamerkan identiti masyarakat Melayu.



Rajah 1.1 :Peta Kampung Gajah Mati

(Sumber:<http://www.google.com/maps>)

1.8 Penutup

Secara keseluruhannya, penyelidikan yang dilakukan ini adalah untuk menekankan mengenai keistimewaan yang terdapat pada senibina Rumah Tradisional Rumah Meleh Tiang 12 yang terletak di Kota Bharu. Bagi mendapat sesuatu maklumat yang sahih, pengkaji perlu melalui proses yang betul untuk mendapatkan kebenaran serta data mengenai situasi terkini rumah yang dikaji. Oleh sebab itu, pengkaji menggunakan kaedah Kualitatif yang sesuai bagi menjayakan kajian ini bagi menghasilkan dalam bentuk tesis. Setiap metodologi yang dilakukan telah diselaraskan sesuai dengan objektif yang telah ditetapkan bagi memastikan kajian yang dilakukan mengikut haluan yang betul dari awal hingga ke akhir kajian. Soalan yang jelas yang dikemukakan kepada responden, akan memudahkan mereka untuk memberikan jawapan yang dikehendaki (Syed Arabi: 1998:135).

Dalam masa yang sama, kajian ini dianggap sebagai salah satu langkah yang berkesan untuk menyebarkan pemahaman kepada masyarakat tentang pentingnya nilai estetika dan integriti yang wujud dalam sesebuah senibina warisan yang ditafsirkan ke dalam bentuk binaan rumah tradisional. Sememangnya, binaan yang bernilai seumpama ini tidak harus dilupakan meskipun sedang melalui fasa pembangunan yang pesat. Usaha ini memerlukan kerjasama pelbagai pihak bagi memastikan warisan yang diperjuangkan dapat sebagai suatu perkara yang mempunyai nilai yang tinggi di mata masyarakat. Oleh yang demikian, bagi memastikan sesuatu nilai itu dapat dikekalkan, kita sebagai anggota masyarakat perlu berganding bahu bagi menjayakan usaha tersebut. Meskipun terdapat

pelbagai pengaruh yang hadir dalam masyarakat Melayu, namun masih terdapat percampuran dengan warisan budaya terdahulu (Muhammad Afandi Yahya,1995). Hal ini menandakan bahawa, budaya Melayu tidak pernah hilang dalam diri masyarakat Melayu itu sendiri.



BAB 2

SOROTAN KAJIAN

2.1 Pengenalan

Sorotan Kajian atau Kajian Literatur merupakan rujukan yang diperoleh setelah membuat olahan terhadap penyelidikan yang telah dilaksanakan oleh penyelidik terdahulu. Maklumat bagi sorotan kajian diperoleh apabila pengkaji membuat penyelidikan dengan pembacaan artikel, keratan akhbar serta carian melalui internet. Penyelidikan yang dilakukan juga perlulah berkait dengan tajuk kajian yang dilakukan pada masa kini. Menurut Amani Dahaman (2011), tinjauan kajian terdahulu adalah apresiasi terhadap info yang didapati melalui jurnal, buku, prosiding dan kajian-kajian lepas (tesis) untuk dimanfaatkan ke atas kajian baru. Manakala, menurut Creswell pada tahun 2005, sorotan kajian perlulah mempunyai kandungan seperti menganalisis, mensintesis, menafsirkan dan mendeskripsikan kajian perpustakaan yang dipilih. Melalui kajian literatur juga, pernyataan maklumat mestilah mengandungi pernyataan, strategi, konsep, tanggapan, pentaksiran serta keterangan yang diperoleh mengenai tajuk penyelidikan yang telah diputuskan oleh pengkaji.

Tujuan kajian literatur dilakukan adalah bagi memisahkan apa yang telah dikaji daripada apa yang perlu dikaji (D.N. & Beili, P. (2005)). Sorotan kajian juga dapat menjelaskan mengenai situasi kajian dahulu dan seberapa banyak perubahan yang telah


berlaku yang memudahkan pengkaji untuk menganalisis status mengenai kajian di luar. Kebiasaannya, sesuatu sorotan kajian yang dilakukan adalah melalui rujukan terhadap bahan bercetak seperti artikel, buku ilmiah, jurnal, tesis dan surat khabar. Dalam pada itu, pengkaji juga boleh menggunakan pendekatan melalui carian di dalam media elektronik seperti di laman web yang berkaitan ataupun melalui rangkaian internet.

2.2 Penyusunan dan Struktur Ruang Dalam Rumah Tradisional Melayu Kelantan

Artikel ini menceritakan tentang identiti Islam yang terdapat pada senibina rumah tradisional Melayu Kelantan. Melalui huraian di dalam artikel tersebut, aspek penyusunan ruang yang menggunakan pemikiran Islam itu yang membawa kepada transformasi pada nilai estetika dan ideologi yang diaplikasikan ke dalam pembinaan rumah. Susun atur ruang dan bahagian-bahagian struktur rumah banyak dielarakkan mengikut garis panduan Islam (Abdul Halim dan Wan Hashim, 1996). Cara hidup orang Melayu telah sedikit sebanyak dipengaruhi oleh struktur pembinaan rumah yang mengikut identiti senibina Melayu-Islam sejak zaman nenek moyang mereka lagi.

Kebanyakan susun atur ruangan di dalam rumah disusun mengikut garis panduan yang ditetapkan dalam Islam. Ia membawa kepada penggunaan konsep dibahagikan kepada dua perhubungan sosial iaitu antara lelaki dan perempuan. Agama Islam melarang keras percampuran bebas antara lelaki dan perempuan yang bukan muhrimnya. Hal ini dapat dijelaskan dengan mengaitkannya dengan aktiviti yang berlaku menerusi ruang-ruang berkenaan (Mokhtar Ismail, 1992). Secara tidak langsung, konsep ruangan yang telah diaplikasikan adalah bagi memenuhi konsep pembahagian ruang secara umum di dalam ruang rumah tradisi Melayu.

Menurut Abdullah Jusuf (1990:123), Islam ternyata telah berjaya melahirkan identiti baru dalam senibina rumah tradisi dalam masyarakat Melayu. Walau bagaimanapun, warisan tradisi Hindu-Buddha masih kekal hingga ke hari ini. Meskipun kedatangan agama Islam telah memberi satu pegangan yang kukuh dalam masyarakat Melayu ini, namun masih terdapat percampuran dengan warisan budaya terdahulu (Muhammad Afandi, Yahya, 1995). Perkembangan zaman yang disertai dengan arus modenisasi dan revolusi dalam pelbagai sektor telah mengubah budaya masyarakat Melayu. Fenomena ini menjadikan bakat dan kemahiran orang dahulu seperti perancangan ruang melalui corak hidup islam semakin dilupakan. Oleh itu, jelas bahawa Islam merupakan identiti kemelayuan, khususnya kepada masyarakat Kelantan yang mengorientasikan pemikiran, penghayatan dan pengucapan estetika dalam kesenian tampaknya. Ciri-ciri yang mengandungi unsur yang tidak terkeluar dari asas keislaman inilah yang membezakan rumah Kelantan daripada rumah-rumah bukan Melayu (Mohamed Anwar, 1997).



Rajah 2.1:Pelan Rumah Tiang 12

(Sumber: <https://fachriadabrur.wordpress.com/2016/11/09/rumah-kelantan-malaysia/>)

2.3 Identiti Senibina Malaysia

Antara cara bagi memartabatkan senibina adalah harus menggambarkan peringkat kemajuan atau ideologi orang pada zaman tersebut dengan menggunakan kepakaran dalam pengetahuan sains, cara hidup masyarakat dan situasi ekonomi semasa. Tindakan menciplak secara langsung menggunakan perincian dari rumah tradisional Melayu dan ditonjolkan pada bangunan moden. Selain itu, senibina jenis ini boleh memberi impak negatif kepada masyarakat antarabangsa yang melihat bahawa aliran masyarakat negara ini mengenai senibina tidak banyak berkembang maju.


Terdapat isu serius dalam mempraktikkan nilai senibina Melayu ke dalam seni bina baru sekitar tahun 1980-an. Antaranya adalah ia terarah kepada senibina utama seperti hotel, gereja, masjid, restoran, muzium, bank dan pejabat. Dalam pada itu, kebanyakan daripada senibina Melayu yang digunakan itu terhad pada pembinaan fizikal atau corak binaan. Biarpun bangsa Melayu di bandar telah melalui banyak transformasi akibat arus modenisasi, tetapi perbezaan tersebut tidaklah secara keseluruhan kerana kebanyakan daripada orang Melayu masih teguh kepada tradisi Melayu, selain daripada pegangan mereka terhadap ajaran agama Islam.

Seterusnya adalah, faktor perikemanusiaan yang ditekankan oleh orang zaman dahulu sebagai elemen yang bernilai dalam pemusatan identiti seni bina tidak boleh dipinggirkan. Walaubagimanapun apa yang memisahkan masyarakat terdahulu dengan masyarakat moden adalah kaedah atau cara yang digunakan oleh individu yang berada pada dua zaman yang berlainan itu mampu untuk memenuhi kebutuhan mereka dari segi


kejiranan, pembangunan, perpaduan, keselamatan dan lain-lain. Transformasi yang dibawa pada zaman sekarang, apatah lagi dengan memanfaatkan pengaruh luar akan dapat membentuk imej senibina yang baru. (Kamarul, Nik Nukman ,2007).



UNIVERSITI



MALAYSIA



KELANTAN



Rajah 2.2 : Bahagian bangunan parlimen yang memperlihatkan elemen bumbung rumah tradisional Melaka

(Sumber : <https://www.parlimen.gov.my/bangunan-parlimen-malaysia.html?uweb=p&>)


2.4 Elemen Halaman Rumah Melayu Tradisional di Kelantan

Pembinaan rumah orang Melayu sememangnya mendapat inspirasi melalui alam semulajadi serta cara hidup orang Melayu. Budaya mempunyai terjemahan yang luas dan tidak hanya dipandang pada aspek adat dan tradisi sesebuah komuniti, tetapi apa yang dipamerkan oleh masyarakat seperti kemahiran dan keindahan pembinaan sesebuah rumah tradisi. Pola pendudukan kampung tradisi di Malaysia boleh dibahagikan kepada tiga iaitu kampung gabungan, kampung darat dan kampung air (Ahmad Sanusi dan Ku Azhar, 2001). Kegiatan sosio-ekonomi masyarakat di lokasi penempatan tersebut adalah sebagai penangkap ikan. Tujuan sesebuah penempatan dibina berdekatan dengan sumber air disebabkan kerana ciri fizikal mulut sungai yang lebih dalam akan dapat memudahkan para nelayan yang berskala besar untuk turun berhampiran dengan pangkalan atau jeti.

Pembinaan rumah Melayu dapat menonjolkan satu bentuk budaya bagi orang Melayu yang mendudukinya. Rumah tradisional Melayu merupakan warisan senibina yang

memperlihatkan kepakaran serta kreativiti bangsa Melayu dalam rekabentuk senibina. Dalam pembinaan rumah tradisional, perkaitan antara tempat tinggal dan kegiatan ekonomi masyarakat mampu mencorakkan idea serta fahaman dalam memutuskan pemilihan kawasan untuk membangunkan dan mengetengahkan perkara yang perlu ada di kawasan tempat tinggal. “*Pattern*” atau corak mempunyai definisi yang tersendiri apabila melibatkan senibina, perangkaan bandar dan bangunan terutama dalam kalangan masyarakat lama dikatakan lebih arif dalam penghasilan produksi yang memahami alam sekitar (Alexander et al. 1977). Corak boleh ditafsirkan ke dalam unsur yang jelas seperti perkakas tradisional, peralatan, tumbuhan dan bangunan.

Kawasan sekitar rumah tradisional Melayu terdiri daripada ruang dan perkara yang dijalankan di sekitar rumah. Menurut Zainal (2000), rekaan dan elemen yang digunakan dalam binaan struktur di sekitar rumah Melayu dibahagikan kepada bahagian belakang dan bahagian hadapan. Bahagian hadapan merupakan ruangan yang pada kebiasaannya dihiasi cantik dengan tumbuhan yang pelbagai termasuk kekwa, melur, bunga raya dan sebagainya. Manakala, di ruangan belakang merupakan bahagian rumah masyarakat Melayu yang biasanya terdapat kebun bagi bercucuk tanam untuk digunakan dalam kehidupan harian. Dalam pada itu, laman belakang juga berperanan sebagai kawasan tempat pembuangan sampah-sarap, tempat untuk membakar dan bahagian kandang bagi bintang yang ditenak. Kebiasaannya, laman berhampiran dengan kandang adalah tempat bagi menanam buah-buahan. Tanaman tersebut akan diletakkan di hujung kawasan rumah untuk ditandakan sebagai sempadan kawasan.



Rajah 2.3 Struktur Persekitaran Rumah Melayu Tradisi di Kelantan

(Sumber:

<http://digitalkelantancollection.umk.edu.my/koleksikelantan/files/original/195963626497053e1ec8befadd4449df.PDF>)

2.3 Tipologi Ciri Rekabentuk Rumah Tradisional Melayu

Menurut Mochsen M (2005), dalam penelitian rekabentuk tradisional, tipologi digunakan sebagai alat untuk menganalisis objek. Dengan tipologi, sesuatu objek rekabentuk dapat digunakan untuk menganalisis perubahan yang berkaitan dengan pembinaan, sifat serta proses perkembangan bangunan tersebut. Hal ini demikian bertujuan untuk arkitek untuk membuat klasifikasi mengenai ciri rekabentuk yang terdapat pada rumah tradisional.

Selain itu, menurut Ryeung S (2012), menyatakan bahawa dalam menganalisis rumah tradisional Melayu, satu kajian perlu dilakukan terhadap tiga elemen bangunan rumah iaitu atap, dinding dan tiang. Ryeung S juga berpendapat bahawa rumah tradisional

Melayu bermaksud rumah masyarakat yang diwujudkan melalui citarasa dan dibina menggunakan teknik dan bahan tempatan. Berdasarkan kepada klasifikasi tersebut, rumah tradisional Melayu asli didefinisikan sebagai rumah masyarakat vernacular.

Menurut Husny (1976), karakteristik rumah Melayu dipengaruhi oleh aspek iklim tempatan dan tuntutan agama. Disebabkan oleh faktor iklim di Malaysia, rekabentuk rumah dibina dengan menggunakan tiang yang lebih tinggi serta ditonjolkan dengan jendela yang berukuran hampir sama tinggi dengan pintu. Tujuan dibina jendela serta lubang angin adalah untuk memberi udara dan cahaya mencukupi agar sesuai dengan penghuni.



Rajah 2.4 Rekabentuk rumah yang dibina mengikut iklim di Malaysia

(Sumber : <http://jurnalpermukiman.pu.go.id/index.php/JP/article/view/89>)

2.4 Sejarah dan Pengaruh Senibina

Kesan peninggalan senibina Melayu pada awal petempatan Melayu pada awal abad masihi. Artifak-artifak yang berunsur Hindu-Buddha membuktikan bahawa masyarakat Kedah Tua telah mempunyai kepandaian membina bangunan. Teknologi binaan yang tinggi

dapat dilihat melalui kepandaian masyarakat dahulu memotong batu yang keras seperti batu granit.(Wadiassofi Jaafar, 2000).

Kebiasaannya, rumah Melayu akan dibina dalam keadaan yang agak tinggi pada bahagian ruang bawah rumah. Hal ini demikian adalah kerana keadaan lantai rumah yang tinggi dapat menghalang rumah dari ditenggelami air sekiranya berlaku banjir. Menurut Abdul Halim Nasir dan Wan Hashim Wan Teh, 1997:35), ruang bawah atau kolong yang terbuka ini juga dapat membolehkan peredaran udara di bawah lantai.

Selain daripada itu, pengaruh senibina Inggeris juga banyak mempengaruhi pembinaan bangunan-bangunan rasmi kerajaan seperti pejabat dan institusi dengan rekabentuk dan binaan gaya Inggeris. Pada masa yang istana raja-raja Melayu dan masjid juga turut menggunakan pengaruh unsur Inggeris dalam pembinaan sewaktu penjajahan Inggeris. Perkara yang paling menonjol adalah apabila masjid-masjid mula dibina dengan menggunakan konkrit dengan bumbung lima. Antara masjid yang menggunakan bumbung perabung lima ialah Masjid Melayu Lebuh Aceh, Pulau Pinang yang dibina pada tahun 1808 Masihi (Othman Mohd Yatim dan Abdul Halim Nasir, 2000).

2.5 Penutup

Kesimpulannya, sorotan kajian merupakan salah satu kaedah pendokumentasian yang perlu dilakukan bagi meneruskan ke bab kajian yang seterusnya. Tujuan sorotan kajian dilakukan adalah supaya kajian yang dilakukan dapat menjadi batasan bagi mengecilkan skop permasalahan kajian serta memudahkan pengkaji untuk merangka prosedur kaedah kajian supaya dapat digunakan untuk mengumpul maklumat. Selain itu, sorotan kajian juga dapat menjadi sumber agar pengkaji dapat membuat analisis dan mempelajari tentang tajuk yang ingin dirungkai pada zaman kini dengan cara meneliti kajian literatur. Melalui kajian ini, pengkaji dapat mengetahui asal-usul bangunan yang mengambil inspirasi daripada konsep Nusantara di mana ia merupakan kesan pengaruh budaya yang dibawa oleh pedagang dari luar Tanah Melayu.

BAB 3

Metodologi Kajian

3.1 Pengenalan


Menurut Ahmad Mazhab Ayob (1985:19), kaedah kajian ialah cara bagaimana setiap sesuatu objektif atau penyelidikan itu hendak dicapai. Metodologi kajian merupakan sebarang cara atau kaedah yang digunakan untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan bagi meneruskan kajian. Pengkaedahan kajian dapat membolehkan kajian dilakukan dengan lebih teratur dan memudahkan pengkaji untuk mencapai objektif yang telah ditetapkan. Bagi memenuhi metodologi kajian, pengkaji telah menggunakan beberapa kaedah seperti kaedah kualitatif dan kaedah kuantitatif.

Kaedah kajian kualitatif merupakan kaedah di mana pengkaji mengerah usaha untuk mendapatkan keterangan. Antara kaedah kualitatif yang digunakan adalah melalui temu bual, membuat penyelidikan tentang kajian lepas, serta membuat analisis. Kaedah ini lebih berkualiti kerana ia merupakan hasil usaha yang telah dilakukan oleh pengkaji untuk mencari maklumat. Kebiasaannya, kaedah ini dianggap lebih tepat kerana ia diperoleh berdasarkan pendapat umum dan tidak ditokok tambah. Bagi memastikan lagi keaslian maklumat yang diperoleh, pengkaji boleh juga melakukan analisis terhadap data yang dikaji. Kajian kualitatif tidak perlu dijelaskan dengan data numerika, yang mana terdapat perkara-perkara tertentu yang memerlukan pemerhatian yang teliti berkaitan dengan manusia, kumpulan tertentu atau keadaan semulajadi (Chua, 2006).

Selain itu, kaedah kajian kuantitatif pula adalah kajian yang menggunakan kaedah yang dijalankan mengikut data statistik yang diperoleh. Cara yang digunakan adalah mengumpul butiran yang mempunyai angka dan unit dalam menerangkan sesuatu maklumat. Pengkaji akan menguji ketepatan maklumat tersebut dengan cara menganalisis ujian statistik mengikut data numerika yang telah diperoleh. Menurut Rohana Yusof (2004:105), setiap individu atau objek dalam sesuatu populasi berkemungkinan berbeza-beza dalam banyak segi, namun mestilah mempunyai tidak kurang daripada satu ciri yang sama.

3.2 Rekabentuk Kajian

Rekabentuk kajian adalah corak yang dilakukan oleh pengkaji tentang bagaimana untuk mendapat maklumat mengenai persoalan-persoalan yang telah dikemukakan. Ia juga merupakan salah satu kaedah bagi mencapai objektif yang telah ditetapkan dalam kajian. Bagi memastikan kesahihan maklumat yang diperoleh, pengkaji telah menggunakan kaedah pengumpulan data yang terdiri daripada sumber primer dan sumber sekunder. Sumber primer merupakan sumber maklumat yang diperoleh hasil daripada tinjauan yang dilakukan oleh seseorang pengkaji. Manakala, sumber sekunder pula merupakan maklumat yang diperoleh melalui pembacaan mengenai kajian yang telah dilakukan oleh tokoh-tokoh terdahulu.



Rajah 3.1 : Carta Alir Metodologi Kajian

Carta alir metodologi kajian (Rajah 3.1) ini merupakan antara perkara yang penting dalam melengkapkan kajian. Fungsi carta ini dalam kajian akan dapat dijadikan sebagai sumber panduan dan rujukan sepanjang kajian dilaksanakan untuk memastikan proses kajian berjalan dengan lancar. Dalam pada itu, carta alir ini juga dapat memberi gambaran kajian awal sebelum meneruskan langkah yang seterusnya. Seorang pengkaji kebiasaannya akan mengambil panduan daripada kaedah kajian yang disenaraikan bagi memastikan maklumat yang diperolehi adalah tepat dan padat.

3.2.1 Kajian Terdahulu

Beberapa kaedah telah dilakukan untuk mendapatkan maklumat berkenaan dengan tajuk kajian yang akan dijalankan. Antaranya adalah kajian terdahulu yang mengambil rujukan daripada sumber penyelidikan terdahulu yang mempunyai sedikit persamaan dengan kajian yang dilakukan oleh penyelidik. Bahan yang digunakan adalah seperti rujukan, jurnal, artikel, tesis, teks kajian lepas serta bahan penulisan yang berkaitan. Selain itu, kaedah pengumpulan data jenis sekunder juga telah digunakan untuk mendapatkan maklumat tambahan berkenaan dengan tajuk kajian yang dijalankan. Data sekunder merupakan data yang diperoleh atau dikumpul oleh orang yang membuat penelitian daripada sumber-sumber yang telah ada (Hasan, 2002: 58). Data ini digunakan bagi menyokong data primer yang telah diperoleh melalui bahan pustaka, kajian literasi, penelitian kajian terdahulu, buku ilmiah dan sebagainya.

3.2.2 Pemerhatian

Dalam pelaksanaan kajian lapangan, pengkaji perlu untuk melakukan lawatan ke atas lokasi kajian bagi tajuk yang telah dipilih sewaktu dalam peringkat awal. Dalam hal ini, pengkaji akan melawat lokasi bagi rumah tiang 12 yang terdapat di Kelantan. Melalui kaedah pemerhatian yang dijalankan, pengkaji akan memfokuskan kepada perincian lokasi seperti keadaan tempat, keterangan responden serta proses kerja yang dijalankan. Pengkaji akan melawat tempat kajian iaitu Rumah Tiang 12 bagi meninjau sendiri rumah yang mewakili ciri Nusantara tersebut. Setelah itu, pengkaji akan membuat analisis terhadap ciri rekabentuk yang terdapat pada rumah tersebut yang menjadi simbolik kepada sejarah perkembangan negara ini. Pengkaji akan memilih untuk memfokuskan kepada aspek fizikal rumah

seperti bentuk bumbung, dinding, serta sistem pembahagian ruang yang agak berbeza dengan rumah tradisional Melayu yang lain. Pengkaji juga melakukan carian dengan menggunakan bahan bacaan ilmiah serta media bagi memperbanyakkan maklumat yang diperolehi mengenai identiti senibina bagi rumah ini. Seterusnya, pengkaji mengambil gambar, rakaman serta catatan yang diambil semasa proses temubual sebagai rujukan untuk dimasukkan ke dalam penulisan bagi projek penyelidikan yang dijalankan.

3.2.3 Temu Bual

Kaedah temubual adalah merupakan kaedah di mana pengkaji mendapatkan maklumat dengan menggunakan kaedah lisan. Kaedah ini adalah penting kerana pengkaji dapat bersemuka serta mengajukan soalan kepada responden secara langsung. Hal ini sekaligus dapat memastikan supaya tidak berlaku salah faham atau maklumat yang tidak sahih sekiranya temubual dilakukan menggunakan platform yang lain. Temubual yang dilakukan dengan cara merujuk kepada objektif yang telah ditetapkan bagi kajian. Seterusnya, pemilihan responden adalah terdiri daripada sepuluh individu yang boleh dipercayai seperti pegawai muzium, pemilik rumah yang bercirikan rumah Tiang 12 serta pengkaji lepas yang mempunyai banyak pengalaman mengenai rumah yang berkonsepkan Melayu tradisional ini.

Sewaktu temubual dijalankan, pengkaji perlu memastikan bahawa responden telah memberi keizinan dan persetujuan untuk melakukan temubual mengenai tajuk yang telah dipilih. Seterusnya, pengkaji hendaklah mengajukan soalan yang mudah untuk difahami kepada responden serta menggunakan bahasa yang sesuai dengan umur responden. Temubual yang dilakukan adalah untuk

mengumpul maklumat tentang sejarah pembinaan rumah, ciri binaan yang digunakan serta persepsi masyarakat terhadap Rumah Meleh Tiang 12 ini.

Melalui kaedah temubual ini, pengkaji akan dapat membuat pemerhatian dan analisis mengenai maklumat yang telah diperoleh semasa proses tersebut dijalankan. Dalam pada itu, pengkaji juga menemubual individu yang cukup arif mengenai rumah tradisional Melayu yang terdapat di Malaysia. Individu-individu ini terdiri daripada mereka yang pernah membuat kajian mengenai rumah Melayu Kelantan dan pemilik rumah yang mempunyai konsep yang sama dengan binaan rumah Tiang 12 yang terdapat di Kelantan. Mereka juga lebih pakar dan mahir mengenai pembinaan rumah tradisional serta tipologi yang digunakan dalam sesebuah pembinaan rumah tersebut.

3.2.4 Catatan

Kaedah catatan akan dilakukan sewaktu temubual dijalankan kerana sebarang maklumat yang diperoleh secara lisan perlu dicatat ke dalam bentuk bertulis. Hal ini adalah untuk memastikan pengkaji dapat merekodkan dan membuat analisis terhadap sebarang maklumat yang telah diperoleh. Kaedah ini adalah penting bagi memastikan supaya pengkaji tidak terlupa mengenai maklumat yang diperoleh. Catatan yang dilakukan perlulah dilakukan dalam bentuk yang mudah difahami untuk memastikan info yang diperoleh dapat digambarkan dengan tepat. Catatan yang berkesan adalah penting kerana ia dapat membantu pengkaji untuk membuat dokumentasi dan analisis data dengan mudah. Selain itu, ia perlu ditulis dengan kemas dan mudah untuk dibaca untuk mengelakkan berlakunya sebarang kekeliruan apabila pengkaji ingin merujuk catatan tersebut.

3.2.5 Rakaman Video

Dalam melaksanakan kajian pengambilan video adalah merupakan elemen penting yang perlu dilakukan semasa temubual dijalankan. Pengumpulan maklumat menggunakan rakaman juga penting untuk digunakan sebagai bahan yang menguatkan hujah yang diutarakan dalam kajian. Video-video tersebut boleh digunakan sebagai bukti untuk menggambarkan situasi mengenai keadaan sebenar lokasi kajian kepada pembaca. Kaedah ini juga menjadi langkah kedua yang boleh digunakan sekiranya berlaku sebarang kehilangan atau kecelaruan maklumat terhadap data bertulis. Bagi mendapatkan rakaman foto, pengkaji telah menggunakan peranti seperti telefon pintar dan komputer milik pengkaji sendiri.

3.3 Instrumen Kajian

Instrumen kajian adalah merupakan satu alat yang digunakan oleh seorang pengkaji ketika menjalankan sesuatu kajian. Instrumen kajian juga berkisar tentang soalan atau kenyataan yang dibentuk khas untuk maklumat kajian (Norhayati, 2011). Instrumen kajian dijadikan sebagai satu asas bagi mendapatkan sebarang data dan maklumat yang diperlukan oleh pengkaji dalam mencapai objektif kajian. Tujuan instrumen digunakan dalam kajian adalah bertujuan memudahkan pengkaji untuk mendapatkan data sekaligus memastikan proses kajian berjalan dengan lancar.

Kaedah utama yang digunakan adalah kaedah kualitatif di mana kaedah ini akan melibatkan kaedah temubual dan pemerhatian. Pendekatan kualitatif merupakan prosedur penyelidikan bagi menghasilkan data gambaran yang boleh diamati (Lexy J, 2007). Bagi menjalankan kaedah temubual, pengkaji menemuramah beberapa orang responden di

lokasi-lokasi senibina tradisional yang berkonsepkan Nusantara. Melalui kaedah temubual, pengkaji telah memilih beberapa pihak atau masyarakat yang arif serta tentang senibina tersebut adalah sangat penting memastikan maklumat yang diberikan mudah difahami dan disalaherti. Pengkaji juga menemubual penjaga Rumah Tradisional Meleh yang merupakan antara orang penting yang membantu menjayakan kajian ini. Instrumen yang digunakan adalah seperti penggunaan buku catatan, telefon pintar dan kemudahan elektronik yang lain untuk mendapatkan maklumat secara terperinci.

Selain itu, pendekatan yang digunakan adalah berbentuk kualitatif yang mana ia merupakan penyelidikan yang menekankan kepada fenomena-fenomena dan dikawal melalui pengumpulan dan analisis data (Nana, 2005; Chua, 2006; Fraenkel, 2007). Dengan menggunakan pendekatan ini, kajian yang dilakukan adalah dengan cara membuat lawatan ke tempat kajian secara langsung bagi membuat pemerhatian terhadap rekabentuk senibina Melayu-Islam. Pemerhatian terhadap sampel kajian ini lebih terperinci, jelas dan lebih tepat malahan menjadi maklumat yang boleh dijadikan bahan rujukan (Norhayati, 2011). Langkah bagi memastikan kesahihan dan keberkesanan kaedah pemerhatian ini, pengkaji menggunakan kecanggihan teknologi moden seperti telefon pintar dan kamera untuk merakam detik sewaktu temubual dijalankan. Pemerhatian yang dibuat mestilah dilakukan secara sistematik dan konsisten bagi memastikan masa yang diluahkan dapat digunakan dengan sebaik mungkin. Maklumat yang diperoleh hendaklah direkodkan dengan mencatatnya ke dalam buku catatan.

3.4 Prosedur Pungutan Data

Bagi melakukan kajian lapangan bagi membuat pengumpulan data, pengkaji

kebenaran bertulis yang dikeluarkan oleh pihak fakulti bagi menjalankan kajian. Selain itu, pengkaji perlu mendapatkan rujukan melalui buku dan melakukan sorotan kajian lepas melalui penyelidikan dan pensyarah yang berkaitan mengenai kursus yang diambil. Pengkaji perlu memaklumkan kepada responden yang terlibat terlebih dahulu bagi mendapatkan kebenaran dari mereka sebelum melakukan temubual atau merakam gambar. Penyelidik perlu memastikan bahawa untuk penetapan tarikh dan tempat pertemuan dipersetujui oleh kedua-dua pihak sebagai cara agar temubual tersebut tidak mengganggu masa dan aktiviti responden. Selain itu, dapat memastikan aktiviti pembelajaran penyelidik juga tidak terganggu dan tiada pertindihan masa dengan waktu kelas. Pada masa yang sama, pengkaji bukan sahaja meneliti keistimewaan yang ada pada senibina rumah Tiang 12, bahkan pengkaji turut mencadangkan langkah yang relevan bagi memelihara serta mengekalkan rumah yang menjadi identiti kepada masyarakat Kelantan ini.

3.5 Kaedah Analisis Data

Merriam (1998) mengatakan bahawa pengumpulan data dan penganalisan merupakan satu aktiviti yang dijalankan serentak dalam kajian kualitatif. Permulaan bagi analisis adalah dengan melakukan temubual, membuat pemerhatian dan pembacaan dokumen yang pertama. Proses menganalisis data dilakukan apabila mendapat data yang pertama. Penganalisan data dilakukan sepanjang kajian dijalankan dengan kadar yang berterusan. Merriam (1998) menjelaskan bahawa pengurusan dan penapisan data yang dilakukan selepas pengumpulan data adalah satu perkara yang amat penting. Justeru, hal ini akan dapat memudahkan pengkaji untuk menghasilkan soalan untuk melakukan temubual atau membuat pemerhatian pada peringkat yang seterusnya.

Persoalan Kajian	Kaedah Analisis Data
1. Bagaimanakah sejarah pembinaan Rumah Tradisional Meleh yang terdapat di Kampung Gajah Mati, Kota Bharu, Kelantan?	Temubual
2. Apakah keistimewaan seni warisan Rumah Tiang 12 dari segi fungsi ruang yang digunakan oleh masyarakat terdahulu?	Temubual
3. Apakah langkah pemeliharaan untuk mengekalkan keaslian Rumah Meleh Tiang 12?	Temubual

Jadual 3.2 : Kaedah Analisis Data

3.6 Jangkaan Dapatan Kajian

Dapatan kajian dijangka dapat memudahkan pengkaji untuk mengetahui tentang sejarah Rumah Meleh Tiang 12 sepenuhnya menggunakan maklumat yang diperoleh daripada pewaris. Hal ini sedikit sebanyak akan dapat menolak tanggapan negatif masyarakat yang tidak mengetahui tentang pemilikan serta sejarah yang terdapat pada rumah tersebut. Ini akan dapat menghalang masyarakat daripada membuat andaian mereka sendiri mengenai rumah tradisional tersebut. Selain itu, pengkaji menjangkakan supaya maklumat tentang senibina pada Rumah Meleh dapat dirungkai kajian yang dilakukan bersesuaian dengan kaedah kajian yang dilakukan.

Selain itu, jangkaan hasil kajian juga akan dapat menggambarkan dengan lebih jelas mengenai kaedah pemeliharaan spesifik yang dapat dijalankan oleh pihak yang terlibat. Proses memelihara dilakukan supaya rumah tersebut dapat diubah kepada keadaan lebih baik selepas konservasi. Keberkesanan cadangan bagi kaedah pemeliharaan yang sesuai, berpotensi dapat mengubah keadaan fizikal rumah-rumah lama. Perkara ini terbukti apabila pihak Muzium Negeri Kelantan sendiri menjelaskan bahawa mereka kini sedang melalui fasa pemulihan bagi bangunan-bangunan lama yang mempunyai nilai warisan seperti ini. Hal ini demikian kerana binaan rumah-rumah tradisional ini dikhuatiri akan mengalami kepupusan sekiranya tiada usaha untuk memeliharanya. Generasi akan datang juga tidak akan dapat mengenali rumah yang mewakili identiti Kelantan seperti rumah Tiang 12.

3.7 Penutup

Kesimpulannya, penggunaan kaedah kajian yang digunakan akan dapat membantu pengkaji untuk menyimpulkan kajian ini. Seterusnya, pengkaji juga akan dapat memperoleh pelbagai maklumat yang bermanfaat bagi melengkapkan kajian yang dilakukan. Berdasarkan kepada sumber maklumat yang diperoleh, laporan yang dibuat akan menjadi lebih sempurna, bahkan pengkaji juga akan dapat memastikan kesahihan maklumat yang diperoleh memandangkan hasil dapatan kajian telah didapati daripada sumber yang tidak dapat disangkal iaitu melalui pewaris.

Kaedah kajian yang digunakan perlu memiliki kaedah yang teratur untuk mendapat hasil kajian yang sahih dan bermanfaat semasa proses kajian dilakukan. Oleh sebab itu, harus dikatakan bahawa penggunaan kajian yang sesuai adalah penting dalam menjalankan

sesebuah kajian. Hal ini akan dapat membantu pengkaji bagi merumuskan bab yang dibicarakan . Dapat disimpulkan bahawa metodologi kajian yang sesuai adalah sangat penting dalam sesebuah penyelidikan. Hal ini demikian akan membolehkan hasil kajian dirumus serta diperjelaskan secara terperinci sepertimana yang telah dibahagikan di dalam setiap bab.



BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan

Bab 4 adalah merupakan bahagian yang merungkai serta menyatakan segala maklumat yang telah diperolehi dan dianalisis oleh pengkaji berdasarkan kepada objektif kajian serta tajuk yang telah dipilih. Bahagian dapatan kajian ini penting dalam setiap penyelidikan untuk menjawab permasalahan kajian dan objektif kajian yang telah dinyatakan dalam bab sebelum ini. Dapatan kajian merangkumi objektif kajian utama yang telah dinyatakan di dalam bab 1 iaitu supaya pengkaji dapat mengetahui sejarah pembinaan rumah tradisional Tiang 12. Dalam hal ini, temubual bersama pemilik rumah serta pegawai yang berkaitan dengan rumah tradisional Tiang 12 mengenai sejarah dan fungsi rumah ini dapat diketahui secara lebih terperinci. Seterusnya, objektif kajian yang kedua adalah untuk mengetahui keistimewaan senibina rumah Tiang 12 di mana ia telah banyak membantu pengkaji untuk mendapatkan maklumat mengenai ciri kesenian yang wujud pada rumah yang mewakili identiti masyarakat Melayu ini. Banyak persamaan dalam senibina rumah ini dengan rumah tradisional negeri lain sehingga mendorong pengkaji untuk menyelidik secara lebih mendalam mengenai ciri istimewa yang terdapat pada binaan rumah ini. Bagi objektif yang ketiga, pengkaji akan

mencadangkan mengenai langkah yang sesuai untuk mengekalkan dan memelihara rumah tradisi ini. Cadangan yang diutarakan adalah dianggap sebagai langkah yang terbaik dan berkesan bagi memastikan rumah tradisional Tiang 12 ini dapat dipelihara untuk jangka masa yang lama.

Pengkaji telah melakukan kajian di salah sebuah rumah Tiang 12 yang terdapat di Kampung Gajah Mati yang terletak di Kota Bharu iaitu dengan cara meneliti tapak kajian tersebut. Hasil penelitian mendapati bahawa rumah tersebut telah melalui banyak fasa perubahan bermula dari fizikal rumah sehingga ke binaan tambahan yang terdapat pada rumah tersebut. Rumah tersebut juga mengalami beberapa kerosakan fizikal apabila berlaku kebakaran dari rumah berhampiran menyebabkan bahagian sisi rumah yang terdiri daripada dinding, tiang dan atap mengalami kerosakan yang agak ketara. Pada hari lawatan ke lokasi, pengkaji juga mendapati bahawa pemilik rumah tersebut masih lagi menjalani proses pemulihan untuk membaiki bahagian rumah yang telah rosak akibat kebakaran tersebut. Sepertimana yang diperkatakan oleh pegawai muzium, Encik Ali, sememangnya kos untuk membaikpulih bangunan-bangunan lama seperti ini memakan kos yang sangat besar. Hal ini menyebabkan banyak rumah tradisional di Kelantan yang semakin berkurangan disebabkan oleh masalah-masalah seperti ini. Oleh itu, kajian terhadap rumah Tiang 12 ini dianggap sebagai satu langkah yang baik untuk memberi kesedaran kepada masyarakat mengenai kepentingan rumah tradisional Melayu sebagai salah satu khazanah warisan yang ada di negara Malaysia.

4.2 Analisis Demografi Responden

Responden adalah merupakan pihak yang dijadikan sebagai sumber rujukan dalam proses membuat penelitian terhadap sesuatu kajian yang dijalankan. Mereka memainkan peranan penting dalam memberikan maklumat serta menjawab persoalan-persoalan yang dikemukakan oleh seseorang pengkaji. Jadual 4.1 menunjukkan pecahan nama, tempat serta tarikh temubual yang telah ditetapkan dan telah dipersetujui oleh pengkaji bersama dengan responden.

Bil.	Nama Responden	Kaedah	Tarikh Temubual	Kod Responden
1.	Encik Ali (Pegawai Muzium)	Google Meet	16 November 2021	A
2.	Cik Nuha (Pegawai muzium)	Google Meet	24 November 2021	B
3.	Professor Ab Aziz Shuaib (Pengkaji Lepas)	Google Meet	25 November 2021	C
4.	Encik Sabki (Pegawai muzium)	Google Meet	24 November 2021	D
5.	Puan Rosnawati Othman (Pemilik Akademi Nik Rasyiddin)	Google Meet	30 November 2021	E

4.3 Sejarah Rumah Tradisional Tiang 12.

Rumah Tradisional Melayu didefinisikan sebagai sebuah kediaman yang dibina bersesuaian dengan iklim di sesuatu tempat yang dianggap sebagai peninggalan pusaka nenek moyang yang berharga yang telah hilang pengertian nilainya kerana putusnya komuniti budaya oleh gangguan penjajah Barat dan rasa patriotik kompleks dalam masyarakat Melayu. Perubahan rekabentuk rumah tradisional Melayu pada masa kini juga banyak dipengaruhi pemikiran Barat di mana gaya binaan rumah dilihat menggambarkan identiti binaan Barat.

Rumah tradisional adalah merupakan asas yang bercorak tradisi yang dianggap sebagai satu kebiasaan yang dilakukan oleh masyarakat Melayu yang telah kekal secara turun temurun dan menjadi amalan sesuatu masyarakat. Setiap daripada rumah tradisional dikatakan mempunyai tradisinya yang tersendiri kerana rumah-rumah seperti Rumah Kutai dan Rumah tradisional Negeri Sembilan mempunyai identiti serta corak yang tersendiri. Hal ini demikian, ia telah dijadikan sebagai amalan oleh tukang-tukang setempat memandangkan gaya pembinaan tersebut telah sehati dan sesuai dengan masyarakat tersebut. (Puan Rosnawati)




Rumah Tradisional Negeri Perak



Rumah Tradisional Negeri Sembilan

(Sumber : <https://toponeproperty.my/2021/02/09/kenali-rumah-tradisional-melayu-di-semenanjung-malaysia/>)


Rumah Tiang 12 adalah merupakan rumah yang mewakili Negeri Kelantan yang mana ia begitu sinonim dengan kediaman golongan bangsawan dan pemerintah pada abad ke-19. Senibina rumah ini pada awalnya diaplikasikan dalam pembinaan istana raja-raja. Tebar layar setiap rumah mempunyai corak binaan yang membezakan sesebuah rumah dengan rumah yang lain. Perkara yang membezakan rumah Tiang 12 dengan rumah yang lain adalah terletak pada bahagian pemeleh. Pemeleh adalah merupakan sepasang papan yang terletak pada hujung kedua-dua bahagian atas tebar layar (fachri muhammad, 2016). Keunikan pemeleh Rumah Tiang 12 dapat dilihat pada ukirannya yang berbentuk ‘V’ terbalik dan juga dikenali sebagai ‘Pemeleh Kelewang’. Selain itu, ia juga sering dibandingkan dengan ‘Lam-Alif’ terlungkup. Berdasarkan kepada pernyataan pegawai muzium, pembinaan pemeleh berbentuk ‘V’ terbalik adalah merupakan salah satu pendekatan dakwah di mana ia pada mulanya wujud pada binaan masjid dan makam diraja. Lambang ini juga dapat diperlihatkan bahawa rumah adalah merupakan membuat ibadat kepada Allah S.W.T.



Bentuk bumbung Tiang 12 pada awal pembinaannya

(Sumber : <https://fachrimuhammadabor.wordpress.com/2016/11/09/rumah->

Seiring dengan peredaran waktu, rumah tersebut telah mengalami beberapa revolusi yang membawa kepada perubahan senibina yang ada sekarang. Rekabentuk pemeleh kelewang dikatakan mengalami revolusi mengikut perubahan zaman di mana ia bergantung kepada fungsi dan permintaan serta minat masyarakat pada masa tersebut (Fachri Muhammad Abror, 2016).



Rekabentuk pemeleh kelewang

(Sumber : <https://fachrimuhammadaborr.wordpress.com/2016/11/09/rumah-kelantan-malaysia/>)

4.4 Fungsi rumah tradisional

Jika dilihat secara fungsional, rumah tradisional boleh dikategorikan sebagai sebuah penempatan untuk dijadikan sebagai tempat peneduhan. Gaya binaan sesebuah rumah tradisional boleh mewakili identiti pemilik rumah mahupun menggambarkan status kasta seseorang. Sekitar tahun 1700 sehingga 1900, ciri rekaan tebar layar rumah yang kompleks boleh menggambarkan status pemilik rumah tersebut sebagai seorang bangsawan yang mana pada ketika itu merupakan zaman di mana teknologi rumah tradisional sudah semakin berkembang secara pesat.

Manfaat pembinaan rumah tradisional suatu ketika dahulu yang dapat dilihat adalah

pada penggunaan tanggam yang mana ia senang dipasang dan senang untuk ditanggalkan. Sekiranya berlaku sebarang bencana atau peperangan, masyarakat zaman dahulu akan meletakkan kayu-kayu rumah yang telah ditanggalkan ke perahu yang bersaiz besar untuk dibawa ke kawasan tertentu dengan menyeberangi sungai. Dalam pada itu, gaya pertukangan lama yang masih dikekalkan sehingga ke hari ini dianggap mempunyai nilai yang tinggi. Binaan rumah pada zaman dahulu juga mempunyai keseimbangan dalam pembuatan sehingga ia diibaratkan seperti tubuh badan manusia yang mempunyai anggota yang cukup sifat. Kebanyakan rumah tradisional dahulu mempunyai rekabentuk yang lebih kurang sama tetapi berbeza dari segi ragam hiasan yang digunakan. Begitu juga dengan bahagian ruang dalamannya yang berbeza saiz dan bentuk. Perkara yang membezakan rumah dahulu dan sekarang adalah rumah yang dibina pada masa sekarang tidak begitu mengikut prinsip keseimbangan yang telah digunakan oleh orang dahulu yang mana ia dibina mengikut urutan yang sesuai bermula dari kaki sehingga ke kepala.

Fungsi rumah Tiang 12 juga dibahagikan mengikut ruang yang ada pada sesebuah rumah tersebut. Ruang asas yang ada pada rumah tradisional adalah seperti rumah ibu, rumah tengah, rumah bujang. Akan tetapi, bahagian di Pantai Barat pula menggunakan istilah yang sedikit berbeza dari Semenanjung. Menurut Puan Rosnawati, perkataan yang digunakan di kedua-dua mempunyai fungsi yang hampir sama tetapi mempunyai kelainan dari segi lokasi. Sebagai contohnya adalah seperti perkataan 'selang' yang merupakan ruang pemisah di antara dapur dengan ruang tamu dalam bahasa Melayu di Semenanjung. Kebiasaannya ruang ini juga dijadikan sebagai 'jemuran basah' oleh orang-orang dahulu.

Fungsi rumah tradisional Melayu adalah untuk membesarkan sesebuah keluarga Melayu yang menghuni kawasan tertentu, dengan aktiviti-aktiviti tertentu mengikut amalan tradisi, kepercayaan serta adat mereka dengan menggunakan bahan-bahan tempatan. Fungsi

bagi rumah Tiang 12 telah dibahagikan mengikut ruang khusus seperti rumah ibu, rumah tengah dan rumah bujang. Kebanyakan rumah tradisional di Malaysia mempunyai fungsi yang hampir sama, tetapi mempunyai kelainan dari aspek tertentu berdasarkan kepada lokasi rumah tersebut dibina.

Fungsi asas sesebuah rumah pada zaman dahulu mahupun sekarang mempunyai banyak persamaan yang mana ia berperanan sebagai salah satu bentuk perlindungan. Konsep perlindungan yang digunakan dalam konteks ini adalah perlindungan daripada ancaman cuaca, banjir, haiwan liar serta musuh. Dalam pada itu, rumah tradisional dibina dalam keadaan tinggi dan mempunyai ruang yang agak luas di bawah rumah atau dikenali sebagai ruang utiliti. Ruang ini kebiasaannya akan digunakan untuk melakukan aktiviti beramai-ramai seperti memasak, melakukan aktiviti rewang dan sebagainya.

4.4.1 Kepentingan Seni Warisan Rumah Tradisional terhadap masyarakat

Menurut Encik Ali (pegawai muzium), kepentingan sesuatu senibina banyak berkait dengan budaya yang mana ia hanya kelihatan sebagai suatu binaan yang usang pada generasi muda zaman sekarang. Walhal, masyarakat dapat mempelajari banyak perkara daripada peninggalan tersebut dari segi fungsi rumah, pengudaraan serta pencahayaan. Penggunaan teknologi zaman kini dilihat tidak begitu mesra alam yang mana ia hanya menggunakan penghawa dingin yang dipasang di ruangan tertutup dan menyebabkan manusia tidak mendapat pengudaraan yang segar.

Tipologi rumah Tiang 12 menunjukkan bahawa sebahagian daripada binaan rumah tradisional Melayu mempunyai persamaan dengan senibina Nusantara yang lain. Hal ini demikian kerana, keadaan iklim dan suhu tropika yang sama disebabkan oleh kedudukan Tanah Melayu di dalam peta yang berada di dalam rumpun Nusantara. Golongan yang berada

di dalam rumpun yang sama dan menggunakan bahasa yang sama dipanggil sebagai Malay-Polinesia. Menurut Profesor Aziz (2021), negara yang mempunyai Malay- Polinesia meliputi Malaysia sehingga New Zealand.

Setiap senibina yang digunakan dalam sesebuah pembinaan selalunya diambil berpandukan kepada ideologi atau pegangan yang dimiliki oleh masyarakat di sesuatu tempat atau masa. Pada masa yang sama, ideologi yang dipegang oleh masyarakat dahulu secara tidak langsung telah menjadi asas untuk membina jati diri yang ada pada orang Melayu pada zaman sekarang. Masyarakat Melayu dahulu juga dikatakan mempunyai sejarahnya yang tersendiri. Oleh hal yang demikian, penggunaan istilah ‘rumpun’ itu sendiri telah membuktikan bahawa tamadun Melayu telah lama terbina. Apabila memasuki era yang dikaitkan dengan seni, kedudukan masyarakat Melayu telah menjadi semakin stabil yang mana membuktikan bahawa seni adalah merupakan satu perkara yang sangat penting dalam kehidupan seseorang.

Kepentingan senibina sesebuah rumah dapat ditonjolkan apabila ia dapat mewujudkan serta mempamerkan identiti yang oleh pemilik rumah tersebut. Dalam pada itu, sesuatu senibina yang digunakan dapat menggambarkan identiti masyarakat setempat melalui ciri binaan yang digunakan oleh masyarakat di kawasan tersebut. Oleh sebab itu, wujud perbezaan yang ketara di antara masyarakat Nusantara mahupun penduduk di Benua Eropah. Hal ini kerana, wujud perbezaan dari segi cuaca, nilai dan agama. Begitu juga dengan senibina Rumah tradisional Kelantan dengan rumah tradisional negeri lain yang mempunyai perbezaan dari segi nilai seninya. Seterusnya adalah teknologi yang digunakan dalam pembinaan. Walaupun kebanyakan rumah tradisional dibina menggunakan kayu, namun, pasti akan ada sedikit perbezaan dari segi cara pembinaan yang membezakan sesebuah rumah dengan yang lain.

Melalui penyelidikan terhadap rumah tradisi, banyak persamaan yang akan wujud di antara rumah-rumah tersebut di mana pembinaan sesebuah rumah adalah satu pencerminan

terhadap identiti yang dibawa oleh pemiliknya. Rumah Tiang 12 kebiasaannya mempunyai satu ruang penting di dalamnya seperti rumah ibu. Rumah ibu adalah merupakan ruang utama bagi kekeluargaan dan keraiian yang mana ia menepati budaya Melayu yang mengutamakan layanan terhadap tetamu, tetapi pada masa yang sama masih mematuhi hukum-hakam dalam Islam.

Dalam pada itu, rumah merupakan tempat tinggal bagi manusia di atas muka bumi ini selain berinteraksi atau bersosial dengan masyarakat. Di mana sahaja tempat yang mempunyai interaksi antara masyarakat sudah semestinya mempunyai masjid. Tempat seumpama itu juga kebiasaannya mempunyai institusi-institusi lengkap seperti rumah, masjid serta mempunyai pemerintahan beraja. Di samping itu, ia dilengkapi pula dengan pembinaan bangunan-bangunan untuk kegunaan orang awam seperti balai raya atau dewan. Kegunaan balai ini adalah bagi tujuan pertemuan secara sosial bagi masyarakat setempat.

4.4.2 Perbezaan rumah dahulu dengan rumah moden

Pembinaan rumah zaman sekarang dilihat tidak mempunyai keseimbangan yang diperlukan dalam sesebuah rumah. Keseimbangan ini adalah penting kerana rumah bukan hanya sekadar tempat peneduhan, tetapi juga sebuah binaan perlu mempunyai kesenian dalam pembuatannya bagi memastikan keselesaan penghuni mahupun bagi tujuan penonjolan identiti masyarakat Melayu.

Menurut A. Abu Bakar et al, rumah tradisional di semenanjung Malaysia khususnya mempunyai pelbagai jenis sistem ornamentasi jenis arabes(motif artistik), geometri, grotes(ukiran dengan gaya bentuk yang sangat ganjil), kaligrafi, mahupun anyaman. Setiap negeri mempunyai elemen ornamentasi yang tersendiri yang mempamerkan semangat kedaerahan yang ada pada diri mereka masing-masing. Pengertian ornamen dari perspektif

senibina adalah merupakan hiasan yang digunakan dalam bangunan di mana ia merupakan usaha untuk menutup bentuk asal dari sesuatu bahan atau struktur yang digunakan dalam bangunan (Yulia Eka Putrie, Atik Hosiah). Ciri-ciri istimewa yang terdapat pada rumah tradisional tiang 12 adalah pada keunikan yang terdapat pada 'Janda Berhias' rumah tersebut. Ia sedikit berbeza dengan rumah tradisional Melayu di Terengganu dari segi motif yang digunakan. Menurut N. Utaberta, dinding jenis ini dipanggil dinding kembang. Bahagian atas dan kiri kanan bahagian pintu diukir dengan ukiran yang bermotifkan bunga dan ayat Al-Quran.

Perbezaan yang wujud pada rumah sekarang adalah nilai budaya serta identiti yang ada dalam diri masyarakat. Pembinaan rumah tanpa pagar dikatakan sebagai suatu perkara yang baik di mana ia dapat membuktikan kehidupan masyarakat Melayu yang berumpun. Hal ini demikian telah berjaya mewujudkan amalan berjiran yang dilakukan sehingga ke hari ini.

Seterusnya, keistimewaan rumah tradisional berbanding dengan rumah dahulu adalah keadaan ruangnya yang tidak panas disebabkan oleh peredaran angin yang teratur melalui sistem pengudaraan yang baik. Walaupun rumah dahulu tidak mempunyai tingkap, ruang rumah tersebut tidak akan berasa panas kerana ianya terdapat sisik angin yang mana dapat memenuhi keperluan dan keselesaan penghuninya.

Menurut Professor Aziz (pengkaji lepas), perbezaan rumah dahulu dengan yang sekarang adalah perkembangan teknologi bahan binaan yang berlaku menyebabkan berlakunya corak pembinaan yang berbeza begitu juga dengan nilai-nilai dalam diri manusia. Contohnya adalah dari segi keselamatan, pembinaan rumah perlu dititikberatkan dengan lebih mendalam lagi untuk mengelakkan dari berlakunya pencerobohan. Tambahan pula, pembinaan rumah kayu pada zaman sekarang memerlukan penggunaan kos yang tinggi selain kaedah yang digunakan juga mungkin agak berbeza. Hal ini menyebabkan pembinaan rumah

kayu pada zaman sekarang tidak begitu meluas memandangkan tukang sekarang sudah jarang menggunakan kaedah binaan tradisional. Di samping itu, pembinaan rumah dahulu juga memakan masa yang lama untuk disiapkan berbanding rumah sekarang adalah kerana ketiadaan teknologi moden seperti zaman sekarang.

Dalam pada itu, menurut A. Abu Bakar et al pada tahun 2013, bangunan moden direkabentuk mengikut fungsinya dan tidak keterlaluan dari pelbagai aspek. Ia juga sering menjadi ikutan pada masa kini yang lebih mementingkan keringkasan dan penyeragaman. Hal ini membuktikan bahawa aspek pembinaan zaman moden telah jauh berbeza berbanding pembinaan tradisional yang lebih mementingkan soal ukiran pembahagian ruang dan sebagainya.

4.4.3 Cadangan Pemeliharaan Yang Sesuai Bagi Rumah Tiang 12

Seperti yang sudah diketahui, pembinaan yang menggunakan kayu akan mempunyai kebarangkalian yang tinggi untuk rosak disebabkan sifat kayu yang sensitif dengan keadaan di sekitarnya yang mungkin terdedah kepada binatang perosak, cuaca, bahan api dan sebagainya. Hal ini menyebabkan ia memerlukan penjagaan yang teliti oleh pemiliknya. Seorang pemilik rumah tradisional perlu mempunyai ilmu dalam menjaga dan menangani sebarang kerosakan yang terdapat pada rumah tersebut. Hal ini demikian kerana setiap rumah akan menggambarkan pemiliknya.



Rajah 4.1 :Rumah Tiang 12 yang terletak di Kg Gajah Mati

Setiap orang yang ingin membina kediaman sendiri, sudah tentu mengidamkan binaan yang kukuh. Oleh yang demikian, orang dahulu akan memilih kayu yang sesuai dan tahan lama seperti kayu cengal. Walaupun begitu, tidak semua lapisan masyarakat yang mampu untuk menggunakan kayu yang berkualiti dan mahal. Semasa zaman pembinaan rumah Tiang 12 yang merupakan rumah untuk golongan bangsawan, kayu yang berkualiti seperti itu kerap kali digunakan. Apabila menggunakan kayu cengal, haiwan perosak seperti bubuk dan anai-anai tidak akan menjadi faktor kerosakan kepada struktur binaan rumah tersebut. Seterusnya, penggunaan kayu cengal dalam pembinaan rumah juga tidak memerlukan proses mengecat. Oleh sebab itu, penjagaan rumah yang menggunakan kayu cengal tidaklah begitu sukar.

Pada masa yang sama, pembinaan rumah tradisional Tiang 12 juga sering menggunakan atap singgora memandangkan golongan yang berada tidak menggunakan atap rumbia. Manakala, dari segi penjagaan, sekiranya atap tersebut pecah atau berlaku kebocoran,

ia boleh diganti dengan yang baru kerana struktur binaan atap singgora yang tidak dilekatkan sehingga ke akar bahagian kasau rumah.

Menurut Professor Aziz, banyak usaha yang telah cuba dilakukan supaya senibina rumah – rumah tradisional di Kelantan dapat dikekalkan. Antaranya adalah perancangan awal untuk membina zoo bagi membolehkan senibina-senibina rumah tradisional Melayu Kelantan dapat dipamerkan ruangan yang terdapat di sekitar tasik UMK Bachok. Hal ini demikian kerana tasik tersebut merupakan antara lokasi tumpuan yang terletak di situ dan pada masa yang sama dapat menarik perhatian golongan muda untuk melihat sendiri keunikan senibina rumah tradisional seperti rumah Tiang 12 ini. Dalam pada itu, projek pembinaan seumpama ini juga dapat mempamerkan kemahiran yang dimiliki oleh orang dahulu dalam pembinaan rumah tradisional Melayu.

Pembinaan zaman dahulu dilihat lebih dekat dengan alam semulajadi. Oleh itu, penjagaannya juga memerlukan penjagaan daripada pihak berwajib seperti institusi-institusi yang berkaitan seperti Jabatan Warisan Negara (JWN) bagi memartabatkan kembali khazanah warisan ini. Dalam pada itu, Professor Aziz juga dalam usaha untuk menubuhkan NGO (Pertubuhan Bukan Kerajaan), yang memfokuskan mengenai warisan tradisional. Menurut beliau, penubuhan NGO ini akan dapat memudahkan usaha untuk memartabatkan isu berkenaan warisan ini diusulkan kepada pihak kerajaan. Tujuan usaha pengekaln rumah tradisional dilakukan adalah bagi meningkatkan jati diri Melayu agar tidak terpesong dengan budaya dari negara luar. Sesuatu perkara yang dilakukan mestilah berpandukan kepada ilmu pengetahuan kerana ia mempunyai nilai yang tinggi khususnya dari segi penjagaan rumah tradisional.

4.5 Langkah Bagi Menarik Kedatangan Pelancong

Antara cara yang telah dikemukakan oleh Professor Aziz bagi menarik kehadiran pengunjung adalah melalui penggunaan 'Live in Exhibit' di mana pelancong berpeluang untuk merasai pengalaman tinggal di rumah tradisional. Di samping itu, memanfaatkan kepelbagaian dalam penggunaan dengan menganjurkan aktiviti kelab dan sebagainya tanpa merosakkan imej asas struktur dan ruang yang ada di rumah-rumah tersebut. Pada masa yang sama pengunjung yang hadir juga dapat menilai sendiri keunikan yang ada pada rumah tersebut.

Langkah yang sesuai bagi menarik minat generasi muda adalah melalui pengajaran dengan berpandukan kepada sejarah. Aktiviti pembelajaran tersebut hendaklah memasukkan sejarah, budaya, corak pembinaan serta alatan perkakas tradisional yang berkait dengan Nusantara. Segala perkara yang berkaitan perlulah diketahui supaya dapat digarapkan ke dalam bentuk penulisan. Seterusnya, aktiviti ko-kurikulum juga dapat meningkatkan lagi jati diri seseorang melalui tradisi peninggalan nenek moyang yang mana ia tidak hanya tertumpu kepada senibina sahaja.

4.6 Penutup

Tidak dapat disangkal lagi bahawa kebanyakan dari golongan muda yang mewarisi rumah tradisional tidak mengetahui tentang nilai yang ada pada sesebuah rumah. Oleh yang demikian, pihak berwajib dalam hal pengekalan budaya seperti pihak institusi kerajaan dan Jabatan Warisan Negara (JWN) perlulah melaksanakan perancangan tertentu bagi memastikan rumah-rumah tradisional ini kekal terpelihara. Rumah Tiang 12 merupakan salah satu tipologi yang menonjolkan identiti Negeri Kelantan yang mana menunjukkan bahawa ia merupakan kepunyaan orang bangsawan yang terdiri daripada saudagar-saudagar yang kaya. Rumah ini

pada kebiasaannya dibina di bandar-bandar lama seperti di Tumpat dan di kawasan-kawasan tertentu di Kota Bharu. Hal ini demikian kerana kawasan tersebut banyak diduduki oleh orang-orang kenamaan seperti pekerja istana. Menurut Professor Aziz, faktor rumah tradisional Kelantan ini diberi nama 'Tiang 12', adalah kerana keperluan ruang dan limitasi bagi panjang kayu yang digunakan bagi menyeimbangkannya dengan kesesuaian ruang yang diperlukan pada rumah tersebut.



BAB 5

PERBINCANGAN, CADANGAN & KESIMPULAN

5.1 Pengenalan

Bab ini akan memberikan gambaran menyeluruh mengenai kajian yang dilakukan dan membuat kesimpulan mengenai dapatan hasil ketiga-tiga analisis kajian. Dalam hal ini, perbincangan yang dibuat menjadi ukuran terhadap keberkesanan dapatan maklumat yang dalam proses temubual yang telah dijalankan. Seterusnya, pengkaji juga akan mengutarakan cadangan dan langkah yang relevan untuk memudahkan pemilik rumah mendapat gambaran untuk membuat perancangan dalam hal penjagaan rumah tradisional Melayu. Dengan ini, perkara ini sedikit sebanyak dapat membantu penjaga rumah Tiang 12 ini dalam usaha memartabatkan rumah tradisional di mata masyarakat.

5.2 Perbincangan Dapatan Kajian

Bahagian ini akan merumuskan mengenai dapatan kajian yang diperoleh berdasarkan kepada tajuk kajian iaitu Keistimewaan rumah tradisional Tiang 12 Yang Wajar Dipelihara Sebagai Warisan Nusantara Yang Berharga. Perbincangan dilakukan dengan menggunakan dapatan kajian untuk dianalisis berdasarkan kepada tiga analisis objektif yang telah diutarakan

di dalam bab empat.

5.2.1 Analisis Objektif Kajian 1 : Sejarah Pembinaan Rumah Tiang 12

Berpandukan kepada temubual yang telah dilakukan, maklumat yang diperoleh mendapati bahawa sejarah pembinaan rumah tradisional Tiang 12 mempunyai langkah pembinaan yang cukup teratur. Selain itu, setiap bahagian rumah yang dibina akan mempunyai fungsinya yang tertentu. Ia juga banyak berkait dengan ketamadunan Islam pada ketika itu. Tukang rumah pada zaman dahulu sangat menitikberatkan pegangan agama dalam aktiviti harian mereka sehingga dikatakan bahawa sewaktu proses pembinaan dijalankan, tukang rumah akan melakukan segala aktiviti mereka dalam keadaan berwuduk dan berzikir menyebut nama Allah S.W.T.

Rumah tiang 12 dikatakan telah terkenal sekitar abad ke-19. Konsep pembinaan rumah ini lebih tertumpu kepada rumah bangsawan ketika itu seperti Istana Jahar, Istana Balai Besar serta Istana Raja Muda. Pembinaan rumah dengan konsep ini banyak berkait rapat dengan semula jadi bermula dari penggunaan bahan sehingga kepada ukiran corak terdapat pada rumah tradisional. Hujah tersebut terbukti apabila dilihat pada penggunaan rumah yang menggunakan bahan semula jadi seperti atap rumbia, buluh dan kayu cengal.

Dalam pada itu, pembinaan rumah tradisional ini dilihat menggunakan konsep rumah terbuka kerana ia merupakan salah satu kaedah pendekatan yang digunakan oleh pemimpin dahulu sebagai salah satu pendekatan untuk merapatkan lagi hubungan rakyat dengan pemimpin. Masyarakat dahulu kebiasaannya akan menggunakan rumah tersebut untuk mengadakan aktiviti keramaian disebabkan oleh gaya binaan yang diaplikasikan pada rumah tradisional ini membolehkan mereka untuk berkumpul secara beramai-ramai. Tambahan pula, binaan tersebut hanya dapat diaplikasikan pada zaman dahulu sahaja kerana situasinya yang berbeza dengan zaman sekarang kerana rumah moden dibina dengan menitikberatkan

aspek keselamatan pada masakini.

Di samping itu, ciri binaan rumah yang mempamerkan pengaruh senibina Nusantara adalah pada binaan ‘rumah di atas tiang’ iaitu gaya binaan rumah yang dibina tinggi untuk mengelakkan sebarang gangguan fizikal terhadap rumah iaitu ancaman haiwan liar atau bencana alam. Selain itu, rumah tradisional juga menggunakan sistem pengudaraan yang teratur dipanggil sebagai ‘*Cross Ventilation*’. ‘*Cross Ventilation*’ adalah merupakan dua bukaan berupa jendela atau pintu yang letaknya saling berhadapan di dalam satu ruangan. Fungsi ventilasi adalah untuk memanfaatkan zon yang bertekanan tinggi dan rendah yang terhasil melalui udara. Perbezaan tekanan pada kedua bahagian bangunan akan menarik udara segar supaya memasuki ruang rumah dari satu bahagian dan mendorong udara pengap keluar melalui bahagian yang lain (KOMPAS.com, 2012)

Secara dasarnya, pembinaan rumah dahulu menggunakan konsep binaan ‘pasang siap’. Binaan rumah dari jenis ini boleh dibuka dan dipasang semula. Ia juga dikenali sebagai ‘tanggap’ iaitu menggunakan kaedah di mana bahagian tertentu pada rumah bersambung dengan bahagian lain tanpa menggunakan paku. Kelebihan menggunakan tanggam adalah kerana ia hanya menggunakan satu bahan sahaja iaitu kayu. Ia juga memudahkan penduduk dahulu untuk memindahkan rumah mereka dari satu tempat ke tempat yang lain.

Menurut Professor Aziz (pengkaji lepas), sebelum pembinaan rumah Tiang 12 dijalankan, secara tradisinya, satu ritual atau adat akan dijalankan bagi melihat dan meneliti kesesuaian tapak untuk tujuan pembinaan rumah. Kebiasaannya, solat hajat akan dilakukan dalam proses pembinaan rumah selain meneliti arah matahari untuk dijadikan panduan mencari arah kiblat bagi orang Islam serta menentukan arah perigi bagi sesebuah rumah. Kesemua komponen yang dibina perlulah sehati dengan alam bagi memastikan rumah yang dibina, selesa untuk diduduki. Para ilmuan dahulu mengambil kira pelbagai aspek termasuklah

hari pembuatan, tapak rumah dibina serta tempoh yang diambil untuk membina rumah.

5.2.2 Analisis Objektif Kajian 2 : Keistimewaan Senibina Rumah Tiang 12

Peredaran zaman yang berlaku menunjukkan bahawa penggunaan atap juga telah berubah. Jika dahulu, masyarakat pada waktu itu banyak menggunakan atap rumbia sehingga berlakunya revolusi atap singgora yang berasal dari Thailand sekitar tahun 1920 yang mana telah melibatkan penghasilannya atap singgora secara besar-besaran.

Selain itu, kelebihan rumah tradisional dahulu adalah merupakan hasil cetusan idea oleh orang zaman dahulu yang memanfaatkan alam semula jadi untuk membina sesebuah rumah. Setiap bahagian yang dibina juga mempunyai fungsinya yang tersendiri di mana contoh yang paling jelas dapat dilihat adalah cara yang digunakan untuk menyejukkan rumah dengan menggunakan sisik angin. Corak ‘tebuk tembus’ yang digunakan juga berperanan untuk membolehkan angin melaluinya. Ukiran pada rumah tradisional juga mempamerkan penggunaan konsep alam iaitu flora dan fauna.

Ciri istimewa bagi rumah tradisional Tiang 12 adalah pemilikannya adalah dari golongan yang berada pada zaman dahulu. Sebagai contoh, sisik angin yang dibina pada bahagian rumah diwujudkan dengan ukiran yang cantik manakala rumah bagi golongan biasa hanya menggunakan binaan rumah kayu biasa tanpa sebarang ukiran pada rumah tersebut. Menurut Professor Aziz, keistimewaan rumah tradisional adalah apabila rumah tersebut mempunyai bendul. Hal ini demikian kerana peranan bendul dalam binaan rumah tradisional adalah untuk mengikat serta menguatkan struktur rumah tersebut.

Seterusnya, ciri istimewa yang ada pada rumah Tiang 12 adalah bentuk serta rupa yang ada pada atap di samping dapat memberikan kenyamanan kepada penghuninya. Pengkaji lepas juga mengatakan bahawa rumah tradisional yang mempunyai hierarki dalam pembinaannya

yang mana menunjukkan bahawa sesuatu bahagian itu dibina di tempat tertentu adalah atas faktor tertentu. Ianya juga adalah salah satu cara untuk menzahirkan keistimewaan rumah yang merangkumi nilai-nilai budaya dan kepercayaan melalui pembinaan rumah Tiang 12 tersebut.

5.2.3 Analisis Objektif Kajian 3 : Langkah Yang Sesuai Untuk Pengekalan Keaslian Rumah Tradisional Tiang 12

Melihatkan kepada pemerhatian yang dilakukan oleh pengkaji, sememangnya langkah pengekalan yang sesuai perlu dilakukan bagi memastikan supaya usaha individu seperti Professor Aziz tidak disia-siakan begitu sahaja. Seperti yang sudah diketahui, rumah Tiang 12 merupakan rumah yang melambangkan identiti senibina yang dipamerkan di negeri Kelantan. Suatu ketika dahulu, ia merupakan rumah yang sangat dikagumi memandangkan ia hanya dimiliki oleh golongan tertentu sahaja seperti golongan bangsawan. Menurut Mohamad Sohaimi, menjaga hakmilik individu atau kelompok secara warisan adalah satu tindakan yang wajar. Hal ini supaya dapat menimbulkan rasa kecintaan dan keterujaan terhadap khazanah warisan bangsa khususnya bangsa Melayu. Tambahan pula, kebanyakan binaan rumah Tiang 12 boleh didapati di kebanyakan lokasi di Kota Bharu yang merupakan antara lokasi tumpuan pelancong. Dalam pada itu, ia juga boleh digolongkan dalam kategori bangunan warisan disebabkan oleh corak binaannya yang sudah sebatian dengan senibina rumah tradisional di Malaysia.

Oleh yang demikian, pengkaji telah menggariskan beberapa langkah pemeliharaan yang dilihat sebagai langkah yang relevan bagi pengekalan rumah Tiang 12 ini sesuai dengan keadaan tempat dan masa. Rata-rata responden yang ditemubual kebanyakannya bersetuju dengan langkah pemeliharaan yang telah diutarakan tersebut. Menurut mereka, keadaan rumah yang dibina daripada kayu itu memerlukan penjagaan rapi daripada pewaris, komuniti setempat dan institusi-institusi yang terlibat. Hasil temubual bersama responden, kebanyakan daripada mereka menyatakan bahawa

terdapat banyak kesukaran dan kekangan untuk mengekalkan rumah tradisional ini. Salah satu daripadanya adalah kekurangan dana untuk tujuan membaikpulih. Seperti yang diketahui, rumah Tiang 12 merupakan rumah yang hanya dimiliki oleh golongan bangasawan pada zaman dahulu. Oleh itu, kayu yang digunakan juga sudah tentu dari jenis yang berkualiti tinggi seperti kayu cengal. Hal ini menyebabkan kos untuk membaikpulih rumah menjadi sangat tinggi sehingga menyebabkan banyak rumah lama seperti ini yang tidak dapat diselamatkan dari mengalami kepupusan. Oleh itu, langkah yang telah dicadangkan oleh pengkaji dilihat sebagai satu perkara yang baik bagi mengekalkan rumah tradisional tersebut.

5.3 Cadangan

Rumah Tiang 12 merupakan antara aset yang masih ada di negeri Kelantan. Oleh itu, ia wajar untuk dikekalkan dan dipelihara supaya tidak hilang ditelan zaman. Adalah menjadi tanggungjawab semua pihak untuk melaksanakan peranan masing-masing bagi menjalankan misi dan aspirasi yang cuba diketengahkan oleh pengkaji. Oleh kerana itu, pengkaji telah mengenalpasti beberapa kajian lanjutan yang sesuai untuk kajian penyelidikan mengenai Rumah Tradisional yang berkonsepkan Tiang 12 ini pada masa hadapan. Antara cadangan yang telah diketengahkan adalah:

- I. Mengkaji mengenai motif binaan rumah Tiang 12 yang masih ada di Kelantan.
Pengkaji mengharapkan supaya Rumah Tiang 12 ini dapat dijadikan sebagai pedoman bagi masyarakat tanpa mengira usia dan bangsa bagi mengenali dengan lebih dalam lagi mengenai pembinaan rumah ini. Tidak dapat disangkal lagi bahawa peninggalan generasi dahulu banyak memberi pelajaran kepada generasi sekarang supaya mereka lebih menghargai nilai warisan yang ada di negara ini.
- II. Mengaplikasikan matapelajaran yang telah dipelajari ke dalam projek penyelidikan.

Dalam hal ini, pelajar yang berkenaan mempunyai peranan yang penting bagi memanfaatkan ilmu yang telah dipelajari semasa di peringkat pengajian. Pelajar UMK, khususnya pelajar konservasi dilihat sangat sesuai dengan isu yang diperkatakan. Hal ini memandangkan mereka mempunyai ilmu yang agak luas berkenaan dengan pengurusan khazanah warisan seperti ini. Banyak matapelajaran dalam bidang konservasi yang mengajarkan kepada pelajarinya untuk mencintai alam semula jadi mahupun warisan berharga yang ditinggalkan oleh nenek moyang kepada generasi sekarang.

5.5 Penutup

Kesimpulannya, identiti sesuatu binaan adalah merupakan perkara yang bernilai bagi masyarakat, negara dan bangsa. Kebanyakan rumah pada zaman dahulu banyak berasaskan kayu dalam pembinaannya. Oleh itu, kaedah penjagaannya juga agak sukar dan memerlukan tunjuk ajar dari mereka yang pakar dalam hal ini memandangkan usia rumah ini juga sudah menjangkau 100 tahun. Rumah ini dilihat mempunyai potensi yang tinggi untuk dibangunkan sebagai salah satu lokasi tumpuan yang ada di negeri Kelantan. Walaupun perlu memakan kos yang tinggi, perkara ini dianggap berbaloi untuk dilakukan memandangkan bangunan warisan juga dapat memberi manfaat kepada masyarakat dalam pelbagai aspek.

MALAYSIA
KELANTAN

RUJUKAN

- Tarigan, Riandy. *MEMBACA MAKNA TRADISIONALITAS PADA ARSITEKTUR RUMAH TRADISIONAL*.
- Rumiawati, Asnah, et al. “Identifikasi Tipologi Arsitektur Rumah Tradisional Melayu Di Kabupaten Langkat Dan Perubahannya.” *Jurnal Permukiman*, vol. 8, no. 2, Aug. 2013, pp. 78–88, <http://103.12.84.119/index.php/JP/article/view/89>.
- Kerangka, Pembangunan, et al. “PEMBANGUNAN KERANGKA DEFINISI SENI BINA MELAYU MODEN DI MALAYSIA.” *Journal of Design + Built*, vol. 14, no. 1, Oct. 2021, <https://spaj.ukm.my/jsb/index.php/jdb/article/view/557>.
- OTHMAN, NOR HAFIZA, and ABD AZIZ SHUAIB. “IDENTITI SENIBINA MELAYU ISLAM DALAM PERANCANGAN DAN STRUKTUR RUANG DALAMAN RUMAH TRADISIONAL MELAYU KELANTAN.” *International Journal of Creative Future and Heritage (TENIAT)*, vol. 1, no. 2, Universiti Malaysia Kelantan, Dec. 2013, pp. 35–48, doi:10.47252/TENIAT.V1I2.109.
- Surat, MS, et al. “MENGENALPASTI TAHAP KESEJAHTERAAN SENI BINA WARISAN MELAYU MELALUI KONSEP ISLAM.” *Journal of Design + Built*, vol. 5, no. 1, 2012, <https://spaj.ukm.my/jsb/index.php/jdb/article/view/47>.
- Harun, Siti Norlizaiha, and Azira Ibrahim. *Karektor Dan Elemen Ruang Persekitaran Rumah Melayu Tradisi Di Kelantan / Mohd Nasuruddin Hasbullah, Dr. Siti Norlizaiha Harun and Azira Ibrahim*. Institute of Research, Development and Commercialization, Universiti Teknologi MARA, 2010.
- Utaberta, Nangkula, et al. “Peran Dan Potensi Masjid Dalam Wacana Degradasi Lingkungan Dan Bencana Alam.” *Proceedings International Conference on Architecture and Shared Built Heritage Conference (ASBC 2013)*, no. Asbc, 2013.
- “Identiti Seni Bina Malaysia: Masalah Dan Penyelesaiannya.” *SARI: Jurnal Alam Dan Tamadun Melayu*, vol. 25, 2007, pp. 270–90.
- Atik Hosiah, Yulia Eka Putrie,. “Keindahan Dan Ornamentasi Dalam Perspektif Arsitektur Islam.” *Journal of Islamic Architecture*, vol. 2, no. 1, 2012, doi:10.18860/jia.v2i1.2106.
- Norlizaiha Harun, Siti, 2005. “*Sejarah Dan Pengaruh Senibina*” *Artikel dalam Buletin Perancang, JPBD, UITM Perak* .
- Norlizaiha Harun, Siti, et al. “Struktur Ruang Dan Elemen Persekitaran RumahMelayu Tradisi Di Kelantan.” *Perspektif Jurnal Sains Sosial Dan Kemanusiaan*, vol. 3, no. 2, Nov. 2011, pp. 12–27, <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/PERS/article/view/1596>.

- Siti Sarah. *BAB 3 – METODOLOGI KAJIAN – Sarah / SKBL2113*. 26 Apr. 2015, <https://crazylinguists.wordpress.com/category/siti-sarah-a141264/bab-3-metodologi-kajian-sarah/>.
- Mohd. Umzarulazijo Umar. *Pengurusan Strategik Dalam Pemuliharaan Bangunan Warisan Di George To....* 26 May 2015, <https://www.slideshare.net/Umzarulazijo888/pengurusan-strategik-dalam-pemuliharaan-bangunan-warisan-di-georgetown-bandar-warisan-dunia-unesco>.
- Mohd. Umzarulazijo Umar. *Pengurusan Strategik Dalam Pemuliharaan Bangunan Warisan Di George To....* 26 May 2015, <https://www.slideshare.net/Umzarulazijo888/pengurusan-strategik-dalam-pemuliharaan-bangunan-warisan-di-georgetown-bandar-warisan-dunia-unesco>.
- Yuszaidi, Mohd, and Mohd Yusoff. “AKTA WARISAN KEBANGSAAN 2005 (AKTA 645): PENILAIAN DARI ASPEK PERUNDANGAN DAN PENGUATKUASA.” *Jurnal Melayu Bil*, vol. 14, no. 2, p. 2015.
- Bash, Eleanor. “Bab IV Metodologi Kajian.” *PhD Proposal*, vol. 1, 2015, pp. 138–47.
- HARUN, DR. SITI NORLIZAIHA. “Sejarah Dan Pengaruh Senibina.” *Artikel Dalam Buletin Perancang, JPBD, UiTM Perak*, 2005, <http://www.ncbi.nlm.nih.gov/pubmed/810049%0Ahttp://doi.wiley.com/10.1002/anie.197505391%0Ahttp://www.sciencedirect.com/science/article/pii/B9780857090409500205%0Ahttp://www.ncbi.nlm.nih.gov/pubmed/21918515%0Ahttp://www.cabi.org/cabebooks/ebook/20083217094>.
- Negara, Jabatan Warisan, 2012. *Garis Panduan Pemuliharaan Bangunan Warisan*. 2012, pp. 1–57.
- Puteri Roslina, A. W. *Definisi Dan Konteks Dalam Terminologi Bahasa Melayu*. University of Malaya, 2005.
- Hauschildt Terminologi, Bent. “Terminologi.” *HERMES - Journal of Language and Communication in Business*, vol. 2, no. 3, Aarhus University Library, July 1989, pp. 99–124, doi:10.7146/hjlc.v2i3.21405.
- Mohamad Sohaimi, Man. *Kepentingan Pemuliharaan Dan Penyelenggaraan Rumah Tradisional Melayu Di Abad Kini / Mohamad Sohaimi Man*. Universiti Teknologi MARA, Perak, 2017, <http://idealogyjournal.com/>.
- Puan Rosnawati Othman. (2021, November 30). *Rumah Tiang 12 Melalui Perspektif Pemilik Akademi Nik Rasyiddin*. [Interview]
- Professor Ab Aziz Shuaib. (2021, November 25). *Keistimewaan Rumah Tiang 12 Yang Wajar Dipelihara*. [Interview]
- Mohd Sabri, 2007. *Tahap Keberkesanan Pengurusan Penyelenggaraan Fasiliti Bangunan Di Sektor Awam Malaysia*, Universiti Teknologi Malaysia.

Man, Mohamad Sohaimi. *Kepentingan Pemuliharaan Dan Penyelenggaraan Rumah Tradisional Melayu Di Abad Kini*. 2017, pp. 2–13.

Kamarul Afizi Bin Kosman, 2006. *Media Penerbitan Dan Penyebaran Idea Identiti Senibina Malaysia: Pengajaran Daripada Pergerakan Arts And Crafts Di Britain Dan Institusi Deutsche Werkbund Di Jerman*.



UNIVERSITI

MALAYSIA

KELANTAN

LAMPIRAN

UNIVERSITI

MALAYSIA

KELANTAN



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan
Faculty of Creative Technology and Heritage

UMK.A02.600-4/7/4 JILID 3 (3)
9 DISEMBER 2021

RUJ. KAMI (Our Ref.) :
TARIKH (Date) :

Puan Rosnawati Othman
Akademi Nik Rashiddin
Lot 225, Kampung Kandis
KM6, Jalan Tok Bali
16310 Bachok
Kelantan

Tuan/Puan,

**MEMOHON KEBENARAN UNTUK PELAJAR UMK MENJALANKAN KAJIAN / PENYELIDIKAN /
TEMURAMAH**

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa senarai nama di bawah adalah merupakan pelajar dari Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan yang akan menjalankan kajian/ penyelidikan/ temuramah di organisasi tuan/ puan. Tujuan menjalankan kajian/ penyelidikan/ temuramah ini adalah bagi memenuhi keperluan kursus **Projek Penyelidikan II (CFT 4134)**. Nama pelajar adalah seperti butiran berikut:

Bil.	Nama Pelajar	No Matrik	No. Kad Pengenalan	Program
1	Nur Nusaibah Binti Mohd Nasir	C18A0610	991117035478	Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan dengan Keupujian

3. Sebarang masalah berhubung perkara ini boleh menghubungi pelajar berkenaan di talian 011-10746250. Sukacita sekiranya pelajar ini mendapat kerjasama daripada tuan/puan.

Kerjasama tuan/puan dalam hal ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

"RAJA BERDAULAT, RAKYAT MUAFAKAT, NEGERI BERKAT"
"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,


PROF. MADYA TS. DR. KHAIRUL AZHAR BIN MAT DAUD
Timbalan Dekan (Akademik dan Pembangunan Pelajar)

BAHAGIAN A : Mengetahui sejarah pembinaan rumah tradisional Tiang 12.

BAHAGIAN B : Mengetahui keistimewaan senibina rumah Tiang 12

Objektif Kajian	Soalan Temubual
<p>A) Mengetahui sejarah pembinaan rumah tradisional Tiang 12.</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1) Pada pendapat anda,apakah definisi bagi rumah tradisional? 2) Menurut anda,apakah fungsi yang terdapat pada sesebuah rumah tradisional? 3) Apakah kepentingan senibina rumah ini terhadap masyarakat? 4) Bagaimanakah orang pada zaman dahulu memanfaatkan rumah tradisional? 5) Apakah yang perbezaan rumah tradisional dahulu dengan sekarang? 6) Bagaimanakah dari segi penjagaan rumah rumah tradisional ini? 7) Apakah ciri-ciri istimewa yang terdapat pada rumah ini? 8) Bagaimanakah senibina rumah ini melambangkan ciri binaan Nusantara? 9) Bagaimanakah pembinaan rumah ini dijalankan? 10) Apakah yang menjadikan rumah ini sebagai warisan budaya yang berharga?
<p>B) Mengetahui keistimewaan senibina rumah Tiang 12</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1) Pada pendapat anda,apakah kepentingan rumah tradisional ini terhadap masyarakat,institusi dan negara? 2) Sejauh manakah yang anda lakukan untuk memastikan rumah tradisional ini dapat dikekalkan dan diiktiraf oleh masyarakat? 3) Apakah ciri kesenian yang wujud pada rumah berkonsepkan Nusantara ini? 4) Sejauh manakah inovasi yang dilakukan oleh komuniti yang terlibat untuk menjaga kelestarian rumah ini? 5) Apakah aktiviti yang biasa dilakukan apabila terdapat kunjungan pada rumah Tiang 12 ini? 6) Apakah kemudahan yang disediakan di sekitar kawasan ini yang mampu menarik kedatangan pelancong untuk datang ke sini?

	<p>7) Adakah purata pekerjaan masyarakat zaman dahulu menjadi faktor yang mendorong corak pembinaan rumah ini ?</p> <p>8) Pada pendapat anda, bagaimanakah cara untuk menarik minat generasi muda terhadap rumah tradisional yang terdapat di negara ini ?</p> <p>9) Apakah harapan anda terhadap mana-mana golongan yang ingin memartabatkan kesenian rumah tradisional?</p>
--	---

BAHAGIAN C : Cadangan langkah untuk mengekalkan keaslian Rumah Meleh Tiang 12

ARAHAN: Sila tandakan (/) pada jawapan pilihan anda di ruangan yang disediakan berdasarkan skala berikut.

Sangat Tidak Setuju (STS)	Tidak Setuju (TS)	Sederhana (SH)	Setuju (S)	Sangat Setuju (SS)
---------------------------	-------------------	----------------	------------	--------------------

PENGURUSAN	TS	TS	SH	S	SS
Menjaga persekitaran rumah					
Membersihkan setiap ruangan rumah dengan teliti					
Melakukan pemeriksaan secara berkala ke atas setiap kerosakan yang berlaku pada rumah.					
Mengurangkan penggunaan mekanisme yang boleh merosakkan rumah					
Membuat penyelenggaraan secara kerap					